

BAB 3


KAEDAH PENYELIDIKAN

Pendahuluan

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Perbincangan bab ini merangkumi lapan aspek utama, iaitu (1) reka bentuk kajian, (2) peserta kajian, (3) tapak kajian, (4) peranan penyelidik, (5) instrumen kajian, (6) prosedur pengumpulan data, (7) kaedah menganalisis data, dan (8) kesahan dan kebolehpercayaan.

Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian Reka bentuk dan Pembangunan. Matlamat kajian ini adalah bagi membangunkan modul pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat. Kajian penghasilan produk dan bahan pembelajaran ini dibangunkan berdasarkan kajian Reka bentuk dan Pembangunan Jenis 1 seperti yang dibincangkan oleh Richey dan Klein (2007) dan Richey, Klein, dan Nelson (2004). Reka bentuk kajian yang bersifat '*testing out research*' ini digunakan kerana reka bentuk kajian ini bersifat pragmatik dan memberi peluang kepada pengkaji untuk menguji dan mengesahkan teori secara praktik (Richey & Klien, 2007: hlm. 1). Kajian Reka bentuk dan Pembangunan modul pengajaran Bahasa Melayu ini melibatkan tiga fasa, iaitu (1) analisis keperluan, (2) reka bentuk dan pembinaan, dan (3) pelaksanaan dan penilaian. Fasa penilaian formatif dilaksanakan dalam fasa reka bentuk dan pembinaan dan pelaksanaan. Rajah 3.1 menunjukkan fasa dan proses pembangunan modul.



Rajah 3.1. Reka bentuk kajian yang diaplikasikan dalam pembangunan modul.

Fasa 1: Fasa Analisis Keperluan

Seperti yang dinyatakan dalam Rajah 3.1, fasa analisis keperluan melibatkan dua tujuan, iaitu mengenal pasti masalah pengajaran dan mengenal pasti ciri-ciri pengguna (guru dan pelajar) atau pihak yang terlibat dengan pembangunan modul. Proses mengenal pasti masalah dilakukan bagi mendapatkan maklumat tentang (1) amalan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah Tingkatan Empat, dan (2) masalah dan cadangan guru dan pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Kajian analisis keperluan penting dapat memberi gambaran tentang keperluan pembangunan sesuatu bahan pembelajaran (Morrison, Ross, & Kemp, 2007).

Proses mengenal pasti ciri-ciri pengguna, iaitu guru dan pelajar dilakukan bagi mendapatkan maklumat tentang pengguna atau peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini. Antara peserta kajian yang terlibat ialah guru BM Tingkatan Empat, pelajar Tingkatan Empat, Guru Panitia BM, dan Guru Kanan Bahasa. Bagi memastikan pengkaji mendapatkan data yang tepat dan 'kaya', guru Bahasa Melayu yang dipilih sebagai peserta kajian ialah guru yang berpengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun mengajarkan Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah. Pelajar yang dipilih pula mewakili pelbagai kaum, jantina dan pencapaian sebagaimana yang dicadangkan oleh Morrison et al. (2007) dan Heinich, Molenda, Russel, dan Smaldino (2002).

Pelbagai teknik pengumpulan data digunakan bagi mendapatkan maklumat dalam fasa analisis keperluan ini. Teknik yang digunakan ialah pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Teknik triangulasi data ini digunakan bagi memastikan kesahan data yang digunakan. Jadual 3.1 adalah teknik pengumpulan data yang digunakan dalam fasa analisis keperluan ini.

Jadual 3.1: *Teknik Pengumpulan Data yang Digunakan dalam Fasa Analisis Keperluan*

| Teknik Pengumpulan Data | Peserta Kajian | Tujuan | Lampiran |
|--------------------------------|--|--|-----------------|
| Pemerhatian | Empat Guru Bahasa Melayu Tingkatan 4 | Mendapatkan data tentang amalan pengajaran BM di bilik darjah | Lampiran C |
| Temu bual Guru | Empat Guru BM Tingkatan 4 | Mendapatkan data tentang amalan pengajaran, pandangan, keperluan dan masalah guru dalam pengajaran BM | Lampiran A1 |
| | Guru Panitia BM Tingkatan 4 | Mendapatkan data tentang pandangan, amalan dan pelaksanaan pengajaran BM Tingkatan 4 | Lampiran A2 |
| | Guru Kanan Bahasa | Mendapatkan data tentang pandangan, amalan dan pelaksanaan pengajaran BM Tingkatan 4 | Lampiran A3 |
| Temu bual Pelajar | Kelas 4P2 (kelas baik), Kelas 4P3 dan 4P4 (Kelas sederhana), dan kelas 4P5 dan 4P6 (kelas lemah) | Mendapatkan data tentang amalan pengajaran guru BM, pandangan, cadangan dan keperluan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran BM Tingkatan 4 | Lampiran B |
| Bukti Dokumen Guru | Buku Catatan Harian Guru, Rancangan Pelajaran Tahunan Bahasa Melayu Tingkatan 4 | Melihat perancangan dan kesinambungan pengajaran guru | Lampiran DG |
| Bukti Dokumen Pelajar | Latihan pelajar | Mendapatkan data tentang pelaksanaan pengajaran guru | Lampiran DP |
| Bukti Dokumen Sekolah | Keputusan Peperiksaan PMR | Pencapaian BM peringkat PMR secara keseluruhan dan pencapaian pelajar. | Lampiran DS |

Bagi mengumpulkan data dalam fasa analisis keperluan ini, pengkaji memperuntukkan masa yang agak panjang bagi membiasakan diri pengkaji dengan persekitaran sekolah, khususnya dengan guru, pelajar dan pentadbir sekolah. Jadual 3.2 menunjukkan aktiviti pengumpulan data fasa analisis keperluan.

Jadual 3.2: Aktiviti Pengumpulan Data Fasa Analisis Keperluan

| Aktiviti | Tarikh | Sasaran |
|--|---------------------------------------|--|
| Mendapatkan kebenaran menjalankan kajian | Ogos 2009 | Unit PPP KPM |
| | September 2009 | JPN Perak |
| | Oktober 2009 | Sekolah |
| Perbincangan dengan Guru Kanan Bahasa dan Guru Panitia BM Tingkatan 4 | Oktober 2009 | Memilih peserta kajian |
| Perbincangan dengan peserta kajian | Oktober 2009 | Menetapkan tarikh menjalankan kajian |
| Menjalankan kajian Fasa 1: Pemerhatian pengajaran guru BM, temu bual guru dan pelajar kumpulan fokus, dan pengumpulan bukti dokumen. | 1) Oktober 2009 hingga November 2009. | Peserta kajian: 1) Guru BM Tingkatan 4 2) Pelajar Tingkatan 4 (Kumpulan Fokus Pelajar) 3) Guru Panitia BM Tingkatan 4 4) Guru Kanan Bahasa |
| | 2) Februari 2010 hingga Mei 2010 | |

Huraian lanjut tentang instrumen kajian dan proses penganalisan data dibincangkan dalam bahagian ‘Instrumen Kajian’ dan ‘Kaedah Penganalisan Data’ dalam Bab 3 ini.

Fasa 2: Fasa Reka bentuk dan Pembinaan Modul

Fasa yang kedua ialah fasa mereka bentuk dan membina modul pengajaran. Fasa ini melibatkan tujuh proses, iaitu (1) menganalisis tugasan atau kandungan (memilih isi kandungan), (2) menentukan objektif pengajaran, (3) mereka bentuk urutan pengajaran (*sequencing*), (4) mereka bentuk strategi pengajaran, (5) mereka bentuk mesej pengajaran, (6) membina bahan pembelajaran dan merancang kaedah penyampaian pengajaran, dan (7) membina instrumen penilaian pengajaran (Morrison et al., 2007).

Proses menganalisis isi kandungan.

Dalam kajian ini, proses memilih isi kandungan melibatkan proses (1) menentukan tema dan subtema pelajaran yang akan digunakan, (2) memilih objektif pelajaran, (3) menentukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang akan dijalankan, (4) pengisian pelajaran (sistem bahasa dan pengisian kurikulum) yang akan digabungkan dan diserap, dan (5) menentukan kaedah, bahan pembelajaran dan bentuk penilaian yang akan digunakan dalam modul yang dibangunkan. Jadual 3.3 menunjukkan contoh proses analisis kandungan dilakukan terhadap Modul 1, 2 dan 3.

Jadual 3.3: Proses Analisis Kandungan Modul (Modul 1)

| Tema | Modul/Subtema | Objektif Umum | Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran | | | Pengisian | | Catatan/BBM/ Kaedah |
|----------------|---|---|---|--|--|---|--|---|
| | | | Langkah 1: Merasai isu | Langkah 2: Meneroka | Langkah 3: Aplikasi | Sistem Bahasa | Pengisian Kurikulum | |
| Masalah Sosial | Modul 1: “Masalah Sosial: Peranan Remaja dalam Menanganinya” | Pelajar dapat membicarakan konsep masalah sosial dan menyatakan peranan mereka dalam menangani isu ini. | <p>Kemahiran Bahasa Utama: Membaca</p> <p>HHP: 7.1 Aras 1 (i) <i>Mendengar dan mengemukakan persoalan pokok, isi penting dan kurang penting dalam pelbagai bahan.</i></p> <p>Aktiviti 1: Menyatakan perasaan terhadap bahan yang dibaca.</p> | <p>Kemahiran Bahasa Sokongan: Menulis</p> <p>HHP: 1.3 Aras 1 (ii) <i>Berbual tentang perkembangan terbaru rakan dan peristiwa semasa.</i></p> <p>Aktiviti 2: Menyatakan faktor masalah sosial</p> | <p>Aktiviti 3: Melengkap poster bertajuk “Masalah Sosial: Apakah peranan Kita?” dengan menggunakan ayat pasif/songsang.</p> | <p>Ayat songsang/ ayat pasif Contoh: <i>Jauhi amalan yang tidak sihat</i></p> | <p>Ilmu: Sosial</p> <p>Nilai: Semangat bernasyarakat</p> <p>KBT: Kemahiran berfikir (membuat inferens)</p> <p>Prinsip Holistik: Hubungan sesama masyarakat</p> | <p>BBM</p> <ul style="list-style-type: none"> - Petikan akhbar tentang buang bayi -Lagu “Harapan tanpa Suara” - Rencana “Remaja dan Masalah Sosial” -Lembaran kerja “Masalah sosial: Apakah peranan kita?” <p>Kaedah:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Membaca <i>scanning</i> -Aktiviti Perbincangan kumpulan <p>Penilaian: Melengkapkan poster dengan frasa yang sesuai bagi memberikan pandangan terhadap sesuatu isu.</p> |

Jadual 3.3 (sambungan): Analisis Kandungan Modul (Modul 2)

| Tema | Modul/Subtema | Objektif Umum | Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran | | | Pengisian | | Catatan/BBM/ Kaedah |
|----------------|---|---|--|--|---|---|---|---|
| | | | Langkah 1: Merasai isu | Langkah 2: Pendedahan | Langkah 3: Aplikasi | Sistem Bahasa | Pengisian Kurikulum | |
| Masalah Sosial | Modul 2: “Jenayah Ragut: Apakah Peranan Kita?” | Pelajar dapat menyatakan peranan mereka dalam menangani masalah sosial dalam bentuk grafik. | <p>Aktiviti 1:</p> <p>Menyatakan perasaan terhadap bahan yang ditonton/dibaca</p> | <p>Kemahiran Bahasa Sokongan: Bertutur dan mendengar</p> <p>HHP: 2.1 Aras 1 (ii) <i>Mengemukakan idea utama dan idea sokongan untuk menghuraikan pendapat.</i></p> <p>Aktiviti 2: Mencari maklumat penting daripada bahan yang dibaca</p> | <p>Kemahiran Bahasa Utama: Menulis rumusan</p> <p>HHP: 9.2 Aras 1 (iii) <i>Menukarkan teks kepada bentuk grafik dan sebaliknya bagi memudahkan penyampaian.</i></p> <p>Aktiviti 3: Menulis ringkasan karangan berdasarkan maklumat yang diperoleh.</p> | <p>Istilah statistik: <i>meningkat, menurun, faktor utama</i></p> | <p>Ilmu: Statistik</p> <p>Nilai: Kerjasama, simpati</p> <p>KBT: Pembelajaran Masteri</p> <p>Prinsip Holistik: Menyayangi orang lain</p> | <p>BBM:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Video “Ragut” - Video “Luahan hati anak mangsa ragut” - Petikan: Kes Ragut di KL naik 100 peratus” - Lembaran kerja (Jadual) <p>Kaedah/Teknik: Teknik diskusi.</p> <p>Penilaian Mencari maklumat yang terdapat dalam teks yang dibaca dan membentuk jadual berdasarkan maklumat tersebut.</p> |

Jadual 3.3 (sambungan): Analisis Kandungan Modul (Modul 3)

| Tema | Modul/Subtema | Objektif Umum | Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran | | | Pengisian | | Catatan/BBM/ Kaedah |
|----------------|--|---|--|--|--|---|--|--|
| | | | Langkah 1: Merasai isu | Langkah 2: Pendedahan | Langkah 3: Aplikasi | Sistem Bahasa | Pengisian Kurikulum | |
| Masalah Sosial | Modul 3: Sajak: “Manusiakah kita?” | Pelajar dapat melahirkan perasaan terhadap peristiwa yang dilihat/dengar/ dibaca. | Aktiviti 1: Bersoal jawab tentang bahan yang ditonton bagi menimbulkan perasaan pelajar. | Kemahiran Bahasa Utama: Mendengar dan bertutur HHP: 7.7 Aras 2 (iv) <i>Memahami dan menyatakan makna kata dan istilah daripada bahan yang dibaca atau didengar</i> Aktiviti 2: Berbincang tentang isu kemiskinan berdasarkan kata-kata indah yang digunakan dalam lagu. | Kemahiran Bahasa sokongan: Menulis HHP: 12.5 Aras 2 (ii) <i>Menggunakan diksi, simile, perulangan, sinkof dan personifikasi untuk menghasilkan baris sajak.</i> Aktiviti 3: Menulis sajak ringkas dengan menggunakan kata-kata indah yang dipelajari. | Kata-kata indah dan peribahasa: <i>Contoh: Lantainya tanah retak seribu</i> <i>Berbumbungkan awan kelabu.</i> | Ilmu: Kemanusiaan Nilai: Kasih sayang sesama insan KBT: Pembelajaran konstruktivisme Prinsip Holistik: empati | BBM: -Gambar-gambar kemiskinan -video “Kemiskinan Sejagat” -Lagu “Wajah” Kaedah: -Kaedah Induktif Penilaian: Membina sajak tentang kemiskinan berdasarkan frasa-frasa atau peribahasa yang dipelajari. |

Dari aspek pengisian kandungan pula, aspek penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, hasil pembelajaran bahasa, sistem bahasa, komponen sastera (KOMSAS), dan pengisian kurikulum disusun secara seimbang bagi setiap modul. Dalam kajian ini, aspek penggunaan bahasa melibatkan kemahiran interpersonal, maklumat dan estetik. Jadual 3.4 menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya dua aspek penggunaan bahasa diaplikasikan dalam setiap modul. Contohnya, dalam Modul 1, kemahiran maklumat digabungkan dengan kemahiran interpersonal. Begitu juga dengan modul seterusnya. Jadual 3.4 menunjukkan penggabungan aspek penggunaan bahasa bagi modul 1 hingga 9.

Jadual 3.4: *Penggabungan Aspek Penggunaan Bahasa dalam Modul*

| Modul | Aspek Penggunaan Bahasa | |
|---------|-------------------------|----------------------|
| | Kemahiran Utama | Kemahiran Sokongan |
| Modul 1 | Bidang Maklumat | Bidang Intepersonal |
| Modul 2 | Bidang Maklumat | Bidang Interpersonal |
| Modul 3 | Bidang Maklumat | Bidang Estetik |
| Modul 4 | Bidang Maklumat | Bidang Estetik |
| Modul 5 | Bidang Interpersonal | Bidang Interpersonal |
| Modul 6 | Bidang Estetik | Bidang Interpersonal |
| Modul 7 | Bidang Maklumat | Bidang Interpersonal |
| Modul 8 | Bidang Estetik | Bidang Interpersonal |
| Modul 9 | Bidang Interpersonal | Bidang Maklumat |

Modul ini juga turut memberi penekanan terhadap penggabungan aspek kemahiran bahasa. Dalam modul ini, setiap sesi pengajaran dirancang secara integrasi yang melibatkan sekurang-kurangnya dua (2) kemahiran bahasa, iaitu kemahiran bahasa utama dan kemahiran bahasa sokongan. Kemahiran bahasa utama merupakan kemahiran bahasa yang menjadi fokus dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, manakala kemahiran sokongan merupakan aktiviti berbahasa yang menjadi sokongan kepada kemahiran utama bagi memastikan obkjektif pelajaran tercapai. Dalam Modul 1, misalnya kemahiran membaca (kemahiran membaca luncuran) ialah kemahiran utama,

manakala kemahiran menulis (melengkapkan poster) ialah kemahiran sokongan yang dijalankan bagi mengukuhkan kemahiran berbahasa pelajar. Jadual 3.5 menunjukkan apa dan bagaimana pengintegrasian antara kemahiran bahasa utama dan kemahiran bahasa sokongan digunakan dalam modul ini.

Jadual 3.5: *Pengintegrasian antara Kemahiran Bahasa Utama dan Sokongan*

| Modul | Tema Utama | Kemahiran Bahasa | |
|---------|----------------|------------------------|---------------------------|
| | | Kemahiran Bahasa Utama | Kemahiran Bahasa Sokongan |
| Modul 1 | | Membaca | Menulis |
| Modul 2 | Masalah Sosial | Menulis | Bertutur dan Mendengar |
| Modul 3 | | Bertutur dan Mendengar | Menulis |
| Modul 4 | | Membaca | Menulis |
| Modul 5 | Budaya | Menulis | Mendengar dan Bertutur |
| Modul 6 | | Mendengar dan Bertutur | Menulis |
| Modul 7 | | Membaca | Menulis |
| Modul 8 | Alam Sekitar | Menulis | Mendengar dan Bertutur |
| Modul 9 | | Mendengar dan Bertutur | Membaca |

Dalam modul pengajaran bahasa ini, kemahiran berbahasa yang harus dicapai oleh pelajar dijelaskan dalam huraian hasil pembelajaran. Jadual 3.6 menunjukkan huraian hasil pembelajaran yang harus dicapai bagi setiap modul.

Jadual 3.6: *Huraian Hasil Pembelajaran yang Harus Dicapai bagi Setiap Modul*

| Modul | Tema Utama | Huraian Hasil Pembelajaran dan Kemahiran Berbahasa | |
|---------|----------------|--|--|
| | | Utama | Sokongan |
| Modul 1 | | 7.1: Mengenal pasti dan menyatakan gambaran keseluruhan, idea utama, isi penting dan isi relevan tentang bahan yang didengar, dibaca dan ditonton. | 1.3: Menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat berdasarkan bahan yang dikemukakan dengan menggunakan kata dan ungkapan yang sesuai. |
| | | Aras 1 (i): Mendengar dan mengemukakan persoalan pokok, isi penting dan kurang penting dalam pelbagai bahan. (Kemahiran membaca) | Aras 1 (ii): Berbual tentang perkembangan terbaru rakan dan peristiwa semasa. (Kemahiran menulis poster) |
| Modul 2 | Masalah Sosial | 9.2: Menentukan format penyampaian dan jenis penulisan yang sesuai untuk menyampaikan maklumat. | 2.1 (ii): Mencetuskan idea yang bernas semasa memberikan pendapat dalam perbincangan. |
| | | Aras 1 (iii): Menukarkan teks kepada bentuk grafik dan sebaliknya bagi memudahkan penyampaian. (Menulis rumusan) | Aras 1 (ii): Mengemukakan idea utama dan idea sokongan untuk menghuraikan pendapat. (Bertutur dan mendengar) |
| Modul 3 | | 7.7: Memahami laras bahasa bagi pelbagai bahan untuk memperoleh maklumat. | 12.5: Membina baris puisi dengan kemas dan indah. |
| | | Aras 2 (iv): Memahami dan menyatakan makna kata dan istilah daripada bahan yang dibaca atau didengar. (Mendengar dan bertutur) | Aras 2 (ii): Menggunakan diksi, simile, perulangan, sinkof dan personifikasi untuk menghasilkan baris sajak. (Menulis) |

Jadual 3.6 (sambungan): *Huraian Hasil Pembelajaran yang Harus DiCapai bagi Setiap Modul*

| Modul | Tema Utama | Huraian Hasil Pembelajaran dan Kemahiran Berbahasa | |
|---------|------------|---|--|
| | | Utama | Sokongan |
| Modul 4 | | 7.5: Memahami dan meneliti maksud tersurat dan tersirat daripada sesuatu bahan. | 11.1: Mengenal pasti gaya bahasa dalam karya bukan kreatif. |
| | | Aras 2 (ii): Menganalisis maksud tersirat untuk memahami perkara dan isu yang diperkatakan. (Membaca) | Aras 2 (iii): Mencipta kata yang indah dan berkesan. (Menulis) |
| Modul 5 | Budaya | 5.2: Menggunakan hujah yang bernas dan meyakinkan untuk mempengaruhi pihak lain dalam pelbagai situasi. | 2.4: Mengemukakan cadangan yang membina untuk mencapai tujuan perbincangan. |
| | | Aras 2 (i): Menyusun dan mengemukakan hujah dan alasan yang kukuh untuk mempengaruhi seseorang. (Menulis) | Aras 3 (i): Menghubungkan isu yang dikemukakan dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada dengan pantas. (Mendengar dan Bertutur) |
| Modul 6 | | 10.4: Menyatakan jenis, ciri, tema dan persoalan, pemikiran, nilai, dan pengajaran. | 2.5: Memberikan penjelasan secara spontan tentang sesuatu perkara terhadap isu yang dikemukakan. |
| | | Aras 3 (ii): Menganalisis nilai dan pengajaran dalam karya. (Mendengar dan Bertutur) | Aras 3 (i): Menghubungkan isu yang dikemukakan dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada dengan pantas. (Menulis) |

Jadual 3.6 (sambungan): *Huraian Hasil Pembelajaran yang Harus Dicapai bagi Setiap Modul*

| Modul | Tema Utama | Huraian Hasil Pembelajaran dan Kemahiran Berbahasa | |
|---------|--------------|---|--|
| | | Utama | Sokongan |
| Modul 7 | | 8.8: Membuat rumusan dengan alasan yang munasabah. | 4.2: Menjelaskan dan membuktikan pertimbangan secara rasional dan adil bagi menyakinkan pihak yang terlibat. |
| | | <p>Aras 2 (ii): Membaca dan meneroka maklumat lain secara ekstensif untuk menyemak semula maklumat yang sedia ada.</p> <p>(Membaca)</p> | <p>Aras 1 (ii): Menganalisis dan menentukan pilihan berdasarkan aspek yang tertentu.</p> <p>(Menulis)</p> |
| Modul 8 | Alam Sekitar | 9.3: Menyediakan kerangka penyampaian dan bahan edaran untuk membuat pertimbangan. | 1.1: Berbual dan berbicara tentang perkara yang berkaitan dengan kehidupan yang berkaitan dengan kehidupan harian yang menyentuh diri, keluarga, rakan dan masyarakat dengan menggunakan kata, sebutan dan intonasi, serta nada yang sesuai. |
| | | <p>Aras 2 (ii): Menyusun atur kerangka penyampaian perbahasan, forum, laporan dan ulasan dalam bentuk grafik, dan menyediakan bahan edaran.</p> <p>(Menulis)</p> | <p>Aras 1(ii): Berbual tentang perkembangan terbaru rakan dan peristiwa semasa.</p> <p>(Mendengar dan Bertutur)</p> |
| Modul 9 | | 4.2: Menjelaskan dan membuktikan pertimbangan secara rasional dan adil bagi meyakinkan pihak yang terlibat. | 8.3: Membuat pertimbangan secara teliti dan rasional terhadap maklumat yang disusun. |
| | | <p>Aras 3 (i): Menimbang tara manfaat jangka panjang sesuatu pilihan untuk membuat keputusan yang tepat.</p> <p>(Mendengar dan Bertutur)</p> | <p>Aras 2 (iii): Menganalisis maklumat dan meramalkan implikasi maklumat tersebut.</p> <p>(Membaca)</p> |

Selain daripada tiga aspek di atas, sistem bahasa juga dimuatkan dalam modul ini. Sistem bahasa merangkumi aspek tatabahasa, kosa kata, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, dan peribahasa. Semua aspek ini diajar secara konteks dan natural berdasarkan fungsinya dalam konteks berbahasa. Dalam Modul 1 misalnya, ayat songsang seperti “Jauhi amalan yang tidak sihat” dan “Patuhilah undang-undang negara” digunakan bagi memaparkan peranan pelajar dan menimbulkan suasana empati dalam kalangan pelajar. Kesimpulannya, pengajaran sistem bahasa, khususnya tatabahasa tidak diajar secara langsung tetapi diajar dalam konteks penggunaan bahasa yang sebenar dan natural. Jadual 3.7 memaparkan unsur dan cara sistem bahasa digabungjalinkan dalam setiap modul.

Jadual 3.7: *Penggabungjalinan Sistem Bahasa Berdasarkan Konsep Kontekstual dan Natural*

| Modul | Tema Utama | Pengintegrasian Sistem Bahasa | |
|---------|----------------|--|---|
| | | Konteks | Sistem Bahasa |
| Modul 1 | Masalah Sosial | Penggunaan ayat songsang/pasif bagi membina ayat untuk poster | Tatabahasa- Ayat songsang/ayat pasif |
| Modul 2 | | Penggunaan istilah statistik bagi menyampaikan maklumat. | Kosa kata/Istilah - <i>meningkat, menurun, faktor utama</i> |
| Modul 3 | | Penggunaan ayat tanya dan peribahasa bagi menggambarkan perasaan pelajar terhadap isu yang dibincangkan, iaitu “Kemiskinan Hidup”. | Ayat tanya, peribahasa |
| Modul 4 | | Penggunaan kata sapaan yang betul dalam konteks kesantunan bahasa. | Kata sapaan |
| Modul 5 | Budaya | Penggunaan peribahasa/perumpamaan/simpulan bahasa bagi mengemukakan hujah dan alasan yang kukuh untuk mempengaruhi seseorang. | Peribahasa |
| Modul 6 | | Penggunaan ayat perintah/permintaan dalam konteks menganalisis nilai dan pengajaran dalam karya kreatif. | Ayat permintaan/Ayat silaan |
| Modul 7 | Alam Sekitar | Membaca dan meneroka maklumat lain secara ekstensif untuk menyemak semula maklumat yang sedia ada. | Tatabahasa: Imbuhan <i>an</i> |
| Modul 8 | | Menggunakan kata sapaan ketika menyampaikan laporan/ulasan. | Kata sapaan |
| Modul 9 | | Menggunakan penanda wacana yang tepat bagi membuat timbang tara untuk membuat keputusan. | Penanda wacana |

Pengisian kurikulum yang diserapkan dalam modul ini merangkumi pelbagai elemen, iaitu ilmu, nilai murni, peraturan sosiobudaya dan kemahiran bernilai tambah (KBT). Dalam aspek ilmu, pelbagai isu dibincangkan seperti ilmu sosial, statistik, kemanusiaan, sains dan teknologi, sains, budaya dan alam sekitar. Selain menerapkan nilai-nilai murni, modul ini juga menerapkan prinsip pendidikan holistik seperti empati, perasaan kasih sayang sesama insan, menghargai dan menghormati diri sendiri, keluarga, rakan, masyarakat, dan pencipta-Nya. Modul ini juga turut menerapkan unsur positif seperti menghormati budaya dan pandangan orang lain, menghargai keunikan individu, jujur, setia kepada negara, menghargai budaya sendiri, berkhemah tinggi dan menghargai alam sekitar. Perincian penerapan pengisian kurikulum berdasarkan setiap modul pengajaran Bahasa Melayu ini ditunjukkan dalam Jadual 3.8.

Jadual 3.8: *Pengisian Kurikulum dalam Modul Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu*

| Modul | Tema Utama | Ilmu | Pengisian Kurikulum | | | | |
|---------|----------------|------------------|---------------------------------------|------------------|--|------------------------------|----------------------------|
| | | | Nilai murni | Kewarga-negaraan | Peraturan sosiobudaya | KBT | Prinsip Holistik |
| Modul 1 | Masalah Sosial | Sosial | Semangat bermasyarakat | | | Kemahiran berfikir | Hubungan dengan masyarakat |
| Modul 2 | | Statistik | Bertanggung jawab, empati | | | Kemahiran interpersonal | Empati |
| Modul 3 | | Kemanusiaan | Kasih sayang sesama insan | | | | Kemahiran berfikir. |
| Modul 4 | Budaya | Bahasa | Menghargai bahasa/budaya sendiri | | | Kemahiran berfikir | Menghargai orang lain |
| Modul 5 | | Kesantunan | Berkhemah tinggi | | Mengucapkan terima kasih, memohon maaf | | Menghormati orang lain |
| Modul 6 | | Nilai masyarakat | Memahami nilai masyarakat orang lain. | | Cara hidup masyarakat malaysia | Pembelajaran kontekstual | Hubungan dengan masyarakat |
| Modul 7 | Alam Sekitar | Alam sekitar | Menghargai alam sekitar | | | Kajian masa depan | Menghargai alam |
| Modul 8 | | Ekonomi hijau | Menghargai harta warisan kita | | | Pembelajaran konstruktivisme | Menghargai alam |
| Modul 9 | | Agama | Menghargai pemberian Allah | | | | Kemahiran berfikir |

Proses memilih objektif modul dan objektif pelajaran.

Objektif pembangunan modul ini ialah:

- (1) Mengaplikasikan pengajaran Bahasa Melayu secara kontekstual dan natural.
- (2) Mengaplikasikan pengajaran Bahasa Melayu secara bertema.
- (3) Mengaplikasikan pengajaran Bahasa Melayu secara seimbang antara:
 - i) pengetahuan bahasa dan kecekapan bahasa; dan
 - ii) antara hasil dan proses pembelajaran.
- (4) Mengaplikasikan pengajaran Bahasa Melayu yang memupuk semua potensi diri pelajar.
- (5) Mengaplikasikan pengajaran Bahasa Melayu yang menyediakan jalinan hubungan antara:
 - i) pelajar dengan diri sendiri;
 - ii) pelajar dengan rakan sebayanya; dan
 - iii) pelajar dengan persekitarannya.
- (6) Mengaplikasikan pengajaran Bahasa Melayu secara tranformatif dan berpusatkan pelajar.
- (7) Mengaplikasikan pengajaran Bahasa Melayu yang mengutamakan penggunaan bahan pembelajaran yang autentik, dan
- (8) Mengaplikasikan pengajaran Bahasa Melayu yang mengutamakan penilaian yang autentik.

Dalam modul ini, objektif pengajaran melibatkan kesemua domain, iaitu domain kognitif, psikomotor, dan afektif, dan mengambil kira semua aras taksonomi Bloom seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.9.

Jadual 3.9: *Contoh Objektif Pengajaran Modul 2*

| | Objektif | Domain | Aras Taksonomi |
|----|--|----------|----------------|
| 1. | Menyatakan perasaan terhadap bahan yang ditonton/lihat secara lisan. | Afektif | Kefahaman |
| 2. | Menjelaskan maklumat yang terdapat dalam teks yang dibaca. | Kognitif | Kefahaman |
| 3 | Meramalkan kadar jenayah ragut pada masa hadapan berdasarkan maklumat yang dibincangkan. | Kognitif | Aplikasi |

Mengorganisasi dan menyusun urutan pembelajaran.

Modul ini mengandungi sembilan set modul yang dibangunkan berdasarkan tiga tema yang dipilih oleh penyelidik hasil daripada dapatan kajian analisis keperluan. Tema-tema utama bagi modul tersebut ialah ‘Masalah Sosial’, ‘Budaya’, dan ‘Alam Sekitar’. Setiap tema dibahagi kepada subtema yang berlainan bagi mewakili setiap modul, seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.10. Setiap subtema dihubungkan melalui tema utama atau tema besar bagi memastikan wujudnya perkaitan antara satu sesi pengajaran dengan sesi pengajaran yang lain.

Jadual 3.10: *Susunan Kandungan Pelajaran Berdasarkan Pendekatan Bertema*

| Tema | Tema Utama | Subtema/Tajuk Pelajaran | Modul |
|------|----------------|--|---------|
| 1 | Masalah Sosial | <i>Peranan Remaja dalam Menangani Bencana Sosial</i> | Modul 1 |
| | | <i>Jenayah Ragut: Apakah Peranan Kita?</i> | Modul 2 |
| | | <i>Sajak: “Di manakah Kemanusiaan Kita?”</i> | Modul 3 |
| 2 | Budaya | <i>Bahasa Kita Jiwa Kita</i> | Modul 4 |
| | | <i>“Kenapa begini”</i> | Modul 5 |
| | | <i>Budi Bahasa Amalan Kita</i> | Modul 6 |
| 3 | Alam Sekitar | <i>Cintailah Persekitaran Kita</i> | Modul 7 |
| | | <i>Eko Pelancongan</i> | Modul 8 |
| | | <i>Menghargai nilai air</i> | Modul 9 |

Bagi menyusun aktiviti pengajaran dan pembelajaran, beberapa skema digunakan. Dalam Modul 7 misalnya, urutan pengajaran disusun berdasarkan skema urutan masa (*temporal*). Skema ini dilaksanakan berdasarkan fenomena kehidupan dunia sebenar yang dilingkungi oleh urutan ruang, tempoh masa, dan sifat fizikal (Posner dan Strike (1976). Jadual 3.11 menunjukkan contoh aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi Modul 7 (Langkah 2) disusun berdasarkan urutan masa (*temporal*).

Jadual 3.11: *Contoh Aplikasi Konsep Urutan Pengajaran Berdasarkan Urutan Masa*

| Urutan Pembelajaran | Prinsip/Contoh Urutan Pengajaran |
|------------------------------------|---|
| Urutan Masa (<i>Temporal</i>) | <p>Historikal: Pertama, kedua, ketiga, dan sebagainya; cepat kepada lambat/langsung kepada tidak langsung.</p> <p>Tajuk: Cintalah Persekitaran Kita</p> <p>Tugasan: Menyatakan kesan pemanasan global</p> <p>Urutan pengajaran: Kesan segera dan kesan sampingan</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Glasier mencair dan tahap air laut meningkat (kesan segera) (2) Perubahan cuaca yang ekstrim seperti banjir dan kemarau (kesan segera) (3) Menjejaskan kesihatan manusia (kesan segera) (4) Harga makanan mahal (kesan sampingan) |

Sementara itu, urutan pengajaran juga disusun berdasarkan kepada konsep ‘mudah’ atau ‘konkrit’ kepada yang ‘sukar’ atau ‘abstrak’. Aktiviti pelajaran dalam Modul 9 misalnya disusun berdasarkan hubungan tersebut. Jadual 3.12 menunjukkan konsep ini digunakan.

Jadual 3.12: *Urutan Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Skema Hubungan Sofistikasi*

| Skema hubungan | Konsep | Aktiviti Pembelajaran |
|---------------------------------------|--|---|
| Sofistikasi (<i>Sophistication</i>) | Pelajaran dimulakan dengan konsep yang konkrit atau mudah sebelum konsep yang abstrak atau sukar | <p>Prapengajaran (Konkrit)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru memaparkan gambar sungai yang kotor. • Guru bersoal jawab dengan pelajar. <hr/> <p>Langkah 1: Merasai isu (Konkrit)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru bersoal jawab dengan pelajar tentang kegunaan air berdasarkan rajah yang diberi. <hr/> <p>Langkah 2: Memahami isu (Abstrak)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar diminta menyatakan nilai kepada mereka berdasarkan bahan yang dibaca. <hr/> <p>Langkah 3: Aplikasi (Abstrak)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar diminta mengesan kebinasaan yang berlaku terhadap air berdasarkan video yang ditonton. |

Memilih strategi pengajaran yang digunakan dalam modul.

Dalam modul ini, lapan (8) strategi pengajaran bahasa secara bersepadu diaplikasikan. Strategi pengajaran tersebut ialah (1) pengajaran Bahasa Melayu secara kontekstual dan natural, (2) pengajaran Bahasa Melayu secara bertema, (3) pengajaran Bahasa Melayu secara seimbang antara pengetahuan bahasa dan kecekapan bahasa, dan antara hasil dan proses pembelajaran, (4) pengajaran Bahasa Melayu yang memupuk semua potensi diri dan budaya Masyarakat Melayu/Malaysia, (5) pengajaran Bahasa Melayu yang menyediakan jalinan hubungan antara (i) pelajar dengan diri sendiri, (ii) pelajar dengan rakan sebayanya, dan (iii) pelajar dengan persekitarannya, (6) pengajaran Bahasa Melayu secara tranformatif dan berpusatkan pelajar, (7) penggunaan bahan pembelajaran yang autentik, dan (8) penilaian autentik dan berterusan. Jadual 3.13 menunjukkan contoh strategi pengajaran tersebut diterapkan dalam modul ini.

Jadual 3.13: Contoh Pelaksanaan Strategi Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu

| Strategi pengajaran BM secara Bersepadu | Pelaksanaan dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran | |
|---|--|---|
| | Prinsip | Cara Dilaksanakan |
| Pengajaran Bahasa Melayu secara kontekstual dan natural | Pengajaran tatabahasa diajar secara konteks dan natural | Melengkap poster bertajuk “Masalah Sosial: Apakah peranan Kita?” dengan menggunakan ayat songsang seperti “ <i>Jauhi amalan yang tidak sihat</i> ”, : “ <i>Patuhilah undang-undang Negara</i> ”. |
| | Kemahiran bahasa diajar secara konteks dan natural | Kemahiran bertutur dan menulis dilakukan berdasarkan konteks atau isu yang dibicarakan. |
| Pengajaran Bahasa Melayu secara bertema | Subtema atau topik bagi setiap modul adalah sejajar dengan tema utama. | Tema Modul 1, Modul 2, dan Modul 3 merupakan subtema kepada tema utama, iaitu ‘Masalah sosial’. Subtema Modul 1: Peranan Remaja dalam Menangani Bencana Sosial Subtema Modul 2: Jenayah Ragut: Apakah Peranan Kita? Subtema Modul 3: “Di manakah Kemanusiaan Kita? (Sajak) |
| | Penguasaan kemahiran berbahasa melalui tema yang sama. | Pelajar menjalankan pelbagai aktiviti berbahasa seperti mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis, serta membina ayat berdasarkan tema yang sama, iaitu ‘Masalah Sosial’. |
| Pengajaran Bahasa Melayu secara seimbang antara pengetahuan bahasa dan kecekapan bahasa, dan antara hasil dan proses pembelajaran | Keseimbangan antara pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa | Pelajar boleh menguasai konsep ayat songsang dan dapat menggunakannya secara konteks dalam poster “Masalah Sosial: Apakah Peranan Kita?” |
| | Keseimbangan antara hasil dan proses pembelajaran | Pelajar boleh melengkapkan poster yang disediakan berdasarkan aktiviti pembelajaran yang dijalankan. Contoh pelaksanaan: Aktiviti 1: Memperkenalkan isu (proses) Aktiviti 2: Memahami/merasai isu (proses) Aktiviti 3: Pendedahan isu (proses) Aktiviti 4: Aplikasi isu (Hasil pembelajaran) |
| Pengajaran Bahasa Melayu yang memupuk semua potensi diri dan budaya Masyarakat Melayu/Malaysia | Memupuk potensi diri melalui aktiviti dan bahan pembelajaran | Pelajar memupuk aspek rohani melalui pelahiran perasaan empati mereka terhadap bahan yang ditonton dan dibaca. Dalam aktiviti memperkenalkan isu (induksi set) pelajar ditontonkan dengan video “ <i>Kami Prihatin</i> ” bagi menimbulkan perasaan empati mereka terhadap bayi yang dibuang oleh ‘ibu’ yang tidak bertanggung jawab. |

Jadual 3.13 (sambungan): *Contoh Pelaksanaan Strategi Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu*

| Strategi pengajaran BM secara Bersepadu | Pelaksanaan dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran | |
|---|---|---|
| | Prinsip | Cara Dilaksanakan |
| Pengajaran Bahasa Melayu yang menyediakan jalinan hubungan antara (i) pelajar dengan diri sendiri, (ii) pelajar dengan rakan sebayanya, dan (iii) pelajar dengan persekitarannya | Hubungan antara pelajar dengan persekitarannya | Hubungan antara pelajar dengan masyarakat diaplikasikan melalui melalui bahan bantu mengajar (BBM) seperti: Video “ <i>Kami Prihatin</i> ” (Induksi set), Teks “Bayi berbalut surat khabar ditemui di kaki lima” (Langkah 1), dan teks “Remaja dan Masalah Sosial” (Langkah 2). Melalui BBM ini, pelajar diperkenalkan dengan isu ini dan seterusnya menyatakan peranan mereka bagi mengatasi masalah sosial ini. |
| Pengajaran Bahasa Melayu secara tranformatif dan berpusatkan pelajar | Pelajar berpeluang mentransformatif maklumat baharu | Menyatakan peranan remaja dalam menangani masalah sosial berdasarkan teks yang dibincangkan. Aktiviti ini dijalankan dalam Langkah 3 (Aplikasi isu), iaitu aktiviti melengkapkan poster dengan idea sendiri bagi menyatakan peranan remaja bagi megatasi masalah sosial. |
| Bahan pembelajaran autentik | Bahan yang digunakan ialah bahan yang sebenar | Dalam modul ini, BBM yang bersifat autentik digunakan. Keratan akhbar dan video sebenar digunakan bagi memastikan isu yang dibincangkan ialah isu terkini dan sejajar dengan konteks kehidupan pelajar. Antara BBM yang digunakan ialah: (1) Petikan akhbar tentang buang bayi (<i>Utusan Malaysia Online</i> : 31 Julai 2010) (2) Lagu “ <i>Kami Prihatin</i> ” (3) Rencana “Remaja dan Masalah Sosial” yang dipetik dari akhbar <i>Utusan Malaysia</i> (3 Ogos 2010). |
| Penilaian berterusan dan bersifat autentik | Penilaian yang dijalankan bersifat autentik dan berterusan; tidak mementing hasilan semata-mata | Penilaian dilakukan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Contoh (Modul 1) Langkah 1, penilaian dilakukan terhadap kemampuan pelajar membuat inferensi terhadap teks yang dibaca. Dalam Langkah 2, penilaian dilakukan terhadap kemampuan pelajar memberikan faktor yang menyebabkan berlakunya masalah sosial. Dalam Langkah 3 pula, penilaian dibuat terhadap kemampuan pelajar menyatakan peranan mereka dalam mengatasi masalah sosial. |

Mereka bentuk mesej pengajaran.

Proses mereka bentuk mesej pengajaran modul ini melibatkan tiga langkah, iaitu strategi prapengajaran, penanda teks (*signals*) dan penggunaan gambar dan grafik (Morrison et al., 2007) sebagaimana yang disarankan oleh Hartley dan Davies (1976).

Strategi prapengajaran.

Strategi ini melibatkan empat kaedah: (1) praujian, (2) pernyataan objektif tingkah laku, (3) gambaran keseluruhan (*overviews*), dan (4) penyusun pendahuluan (*advance organizer*). Dalam modul ini, strategi prapengajaran ‘gambaran keseluruhan’ kerap digunakan bagi memulakan pengajaran. Dalam Modul 1 misalnya, Video “*Kami Prihatin*” terbitan TV3 digunakan bagi menggambarkan secara berleluasanya ‘Isu Buang Bayi’ di negara ini. Contoh aktiviti tersebut ialah:

Aktiviti:

- 1. Guru meminta pelajar melihat video “Kami Prihatin” dengan teliti.*
- 2. Pelajar diminta menyatakan secara umum isu yang ditonton oleh mereka.*
- 3. Guru meminta pelajar menyatakan pandangan mereka terhadap isu yang dibincangkan.*

Bagi memulakan pengajaran dalam Modul 7 pula misalnya, strategi penyusun pendahuluan (*advance organizer*) digunakan. Strategi ini digunakan bagi memberi gambaran tentang konsep pencemaran alam yang berlaku di sekeliling pelajar. Yang berikut ialah contoh penggunaan penyusun pendahuluan dalam induksi set bagi modul ini.

| | |
|---|--|
| Fasa pengajaran: <i>Induksi set (mengenal isu)</i> | |
| Bahan bantu mengajar: | <i>Video suara alam (bunyi kenderaan, kesesakan lalu lintas, bunyi kilang beroperasi, bunyi kesibukan kota, bunyi sungai, bunyi hujan, bunyi ombak dan bunyi burung)</i> |
| Konsep yang ingin diketengahkan: | <i>Pencemaran bunyi</i> |
| Aktiviti: | |
| 1. | <i>Guru memperdengarkan pelajar bunyi kenderaan, kesibukan lalu lintas, bunyi kilang beroperasi, dan bunyi kesibukan kota.</i> |
| 2. | <i>Pelajar mendengar dengan teliti dan membuat rumusan apa-apa yang mereka dengar.</i> |
| 3. | <i>Guru memainkan bunyi hujan, laut (ombak) dan bunyi sungai.</i> |
| 4. | <i>Guru bertanya pada pelajar tentang perbezaan bunyi-bunyi tersebut.</i> |
| 5. | <i>Pelajar memuat kesimpulan tentang perasaan mereka terhadap bunyi-bunyi tersebut.</i> |
| 6. | <i>Pelajar dan guru menyatakan pandangan mereka terhadap bunyi yang selesai didengar.</i> |

Strategi penyampaian mesej pengajaran.

Bagi menyampaikan keseluruhan mesej pengajaran pula, aktiviti pengajaran disusun berdasarkan lima langkah utama, iaitu (1) Induksi set: mengenali isu, (2) Langkah 1: merasai atau memahami isu, (3) Langkah 2: meneroka isu, (4) Langkah 3: aplikasi isu dan, (5) Penutup. Dalam modul yang dibangunkan ini, setiap langkah pengajaran yang dibentuk melibatkan langkah-langkah tersebut. Jadual 3.14 menunjukkan cara pendekatan ini dilaksanakan dalam Modul 6.

Jadual 3.14: *Langkah dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran dalam Modul 6*

| Langkah Pengajaran | Tujuan Aktiviti Pengajaran | Aktiviti Pengajaran |
|--------------------|--|--|
| Induksi set | <i>Mengenal isu:</i> Mengenal isu melalui perbualan Sudin dan pengawal keselamatan dalam video yang ditonton. | 1. Menonton perbualan Sudin dengan pengawal keselamatan dalam filem <i>Seniman Bujang lapok</i> . 2. Mengenal pasti kesilapan Sudin. |
| Langkah 1 | <i>Memahami isu:</i> Memahami kesilapan Sudin ketika bertutur dengan orang lain. Menyatakan sikap P. Ramlee ketika berhubung dengan orang lain. Membuat inferens daripada kedua-dua slot yang ditonton. | 1. Menonton bahagian kedua filem ini. 2. Pelajar menjelaskan sikap P. Ramlee ketika bertutur atau menyapa orang lain. 3. Pelajar membandingkan sikap Sudin dengan P. Ramlee dalam filem ini. |
| Langkah 2 | <i>Meneroka isu:</i> Mengenal pasti kata sapaan yang silap dan kata sapaan yang tepat yang digunakan oleh kedua-dua watak dalam filem ini. | 1. Pelajar menyatakan kata sapaan yang digunakan oleh watak dalam filem tersebut. 2. Pelajar melakonkan semula watak Sudin dengan menggunakan kata sapaan yang tepat. |
| Langkah 3 | <i>Aplikasi isu:</i> Menilai gambar yang dilihat dari aspek budi bahasa. | 1. Guru memaparkan beberapa keping gambar kepada pelajar. 2. Pelajar diminta menilai dan mengulas gambar tersebut. |
| Penutup | <i>Membuat generalisasi</i> | 1. Pelajar membuat rumusan terhadap pelajaran hari ini berdasarkan satu petikan akhbar tentang budi bahasa. |

Penggunaan penanda teks.


Bagi memastikan teks yang dipilih boleh difahami oleh pelajar, penanda teks (*signals*) eksplisit dan tipografi digunakan. Jadual 3.15 menunjukkan penanda teks yang wujud dalam teks yang dipilih dalam teks “*Remaja dan Masalah Sosial*” (Modul 2) (lihat Lampiran N).

Jadual 3.15: *Penggunaan Penanda Eksplisit dalam Teks*

| Struktur Teks | Contoh | Kata Penanda |
|----------------------|---|---|
| Senarai | <i>Di samping faktor-faktor di atas, masyarakat hari ini juga semakin kurang peka dan tidak peduli terhadap nilai hidup berjiran dan bermasyarakat. Selain itu, kebanyakan remaja juga tidak tahu mengendalikan emosi marah, bahagia, derita atau cinta yang melingkari kehidupan seharian mereka.</i> | Di samping faktor-faktor di atas, selain itu, ... |
| Perbandingan | | |
| Urutan Masa | | |
| Sebab dan Akibat | <i>Remaja hari ini kurang mampu dan mapan mengurus diri sendiri...Kesan daripada sikap ibu bapa yang memanjakan anak-anak...menjadikan anak-anak kurang berdikari dan tidak mahu hidup susah... Akibatnya anak-anak remaja sukar mengendalikan emosi...</i> | Kesan, akibatnya, ... |
| Definisi dan Contoh | <i>Struktur pembinaan perumahan hari ini banyak mempengaruhi gaya hidup masyarakat...Misalnya, pembinaan rumah-rumah banglo dewasa ini mesti memberi fokus kepada kawalan keselamatan yang berlebihan seperti 'tinggal di dalam penjara' agar tidak diganggu penjenayah.</i> | Misalnya.... |

Penanda tipografi pula melibatkan jenis saiz dan bentuk perkataan atau huruf bagi mengutarakan mesej dalam teks atau bahan pembelajaran (Morrison et al, 2007). Penanda tipografi berupa kata kunci atau tajuk (*headings*), susun atur (*layout*), dan variasi tipografi.

Dalam Modul 9 misalnya, brosur “*Pemanasan Global: Bumi Amanah Kita*” digunakan kerana menepati beberapa ciri yang dinyatakan di atas. Teks ini dipersembahkan dalam tiga aras (*level*) bagi membezakan antara topik, idea utama dan kandungan. Penggunaan susun atur dan variasi tipografi juga dilakukan bagi memastikan organisasi teks tersusun dan mudah difahami oleh pembaca. Rajah 3.2 menunjukkan penggunaan tipografi dalam teks yang digunakan ini.



Rajah 3.2. Aplikasi penanda tipografi dalam teks “Pemanasan Global: Bumi Amanah Kita” (Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, Mac, 2010).

Penggunaan gambar dan grafik.

Morrison et al. (2007) menjelaskan bahawa penggunaan grafik dan gambar dapat menyampaikan mesej dan menggalakkan suasana pembelajaran yang kondusif. Levin (1981, disebut dalam Morrison et al., 2007) menyatakan bahawa gambar dan grafik dapat memotivasikan dan membantu pelajar memahami perkara yang abstrak. Oleh sebab itu, dalam modul ini, pelbagai gambar dan bahan grafik digunakan bagi menarik minat pelajar. Dalam Modul 6 (Langkah 3) misalnya, gambar 3.1 digunakan bagi menggambarkan dua perbuatan yang berbeza antara kanak-kanak dan orang dewasa.



Gambar 3.1: Perbezaan amalan menaiki bas dalam kalangan masyarakat (Sumber: Google)

Gambar juga digunakan bagi menunjukkan konsep yang abstrak seperti nilai air kepada manusia. Dalam Modul 9 (Langkah 2) misalnya, beberapa gambar digunakan bagi membantu pelajar memahami nilai air kepada manusia. Gambar bersiri yang berikut (Gambar 3.2) dapat menunjukkan kepentingan air kepada manusia.



Gambar 3.2. Gambar yang digunakan bagi melambangkan nilai air kepada manusia.

Penggunaan gambar atau bahan grafik penting kerana dapat (1) meningkatkan minat, (2) motivasi, (3) memenuhi gaya belajar pelajar, dan (4) boleh menghubungkan pelajar dengan fenomena sebenar dunia (Morrison et al., 2007). Kajian Wang dan Reeves (2007), Buckingham (2007) dan Willet (2007) mendapati gambar dan grafik dapat meningkat minat pelajar asalkan bahan pembelajaran tersebut hendaklah mempunyai empat syarat yang berikut: (1) mencabar, (2) menimbulkan perasaan ingin tahu, (3) terkawal, dan (4) penuh dengan fantasi.

Kesimpulannya, gambar dan grafik dapat membantu pelajar menguasai pembelajaran jika bahan yang digunakan itu menarik dan sesuai dengan kehendak pelajar. Justeru, kajian ini cuba mengaplikasikan semua teknik menyampaikan mesej yang disarankan oleh Morrison et al. (2007) dalam modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu.

Membina preskripsi dan melaksanakan pengajaran.

Proses ini melibatkan proses membangunkan preskripsi pengajaran. Dalam modul ini, beberapa pertimbangan diambil kira dalam membangunkan modul pengajaran sebagaimana yang dicadangkan oleh Morrison et al. (2007). Perkara tersebut ialah, iaitu (1) pertimbangan sebelum memulakan pengajaran, (2) heuristik atau cara membangunkan pengajaran, dan (3) panduan melaksanakan pengajaran.

Pertimbangan sebelum memulakan pengajaran.

Dua perkara diberi penekanan ketika ketika modul dirancang. Pertama ialah objektif pelajaran dan kedua, tahap kesukaran bahan pembelajaran yang digunakan dalam aktiviti pelajaran. Menurut Morrison et al. (2007), jika bahan yang disampaikan terlalu sukar, pelajar mungkin gagal melengkapkan aktiviti pengajaran, manakala jika

bahan yang disampaikan terlalu mudah, timbul pula perasaan bosan dalam kalangan pelajar.

Heuristik atau cara membangunkan pengajaran.

Morrison et al. (2007) mencadangkan beberapa heuristik atau panduan bagi membangunkan pengajaran. Antaranya ialah bahan pembelajaran yang digunakan hendaklah: (1) bersifat konkrit, (2) menggunakan terminologi dan contoh yang setara atau biasa (*familiar*) digunakan oleh pelajar, (3) mempunyai banyak contoh (*pacing*) bagi memudahkan penyampaian idea, dan (4) mengandungi banyak petunjuk atau penanda.

Dalam modul ini, ilustrasi, lakaran, grafik, graf, dan gambarajah digunakan bagi menggambarkan perkara yang abstrak. Teks yang digunakan juga mempunyai perkataan yang pendek dan ayat aktif agar mudah dibaca dan difahami. Selain itu, contoh yang relevan dan sesuai kerap digunakan dalam modul ini bagi membantu pemahaman pelajar.


Bagi memastikan teks yang bincangkan ‘biasa’ atau *familiar* dengan pelajar pula, istilah yang biasa dengan kemampuan pelajar digunakan. Untuk itu, pengkaji menggunakan lagu ‘Wajah’ bagi menggambarkan kehidupan yang dialami oleh orang kurang upaya dalam Modul 3 (Langkah 2). Contoh bait-bait lagu tersebut ialah:

*Berbumbungkan angkasa kelabu
Lantai bumi retak seribu
Setiap langkah perjalananmu
Beronak berliku;*

*Berapa berat mata memandang
Berat lagi menggalas bebanan
Belum sempat menitis ke pipi
Tangisan kering sendiri.*

Kebolehfahaman pelajar terhadap bait-bait yang digunakan dalam lagu ini terbukti ketika proses penilaian satu dengan satu dilakukan. Dalam proses penilaian tersebut, pelajar dapat menyatakan maksud bait-bait tersebut, khususnya bait-bait *berbumbungkan angkasa kelabu* dan *lantai bumi retak seribu* menggambarkan kemiskinan dan kesusahan hidup.

Bagi membantu pelajar memahami teks yang abstrak pula, contoh yang banyak digunakan. Rajah 3.3 menunjukkan cara ini digunakan dalam teks ‘Menghargai Nilai Air’ dalam Modul 9 (Langkah 2).



Rajah 3.3. Kaedah membantu kelajuan idea (*pacing*) dalam teks ‘Menghargai Nilai Air’. Diadaptasi daripada “Model Pengajaran Berkesan” oleh G. R. Morrison, S. M. Ross, dan J. E. Kemp, 2007, *Designing Effective Instruction* (5rd ed.).hlm. 202.

Selain itu, penggunaan banyak penanda teks dapat membantu pembinaan bahan pembelajaran yang berkesan. Contoh penggunaan penanda urutan masa digunakan dalam Modul 9 (Langkah 3) seperti dalam teks di bawah bagi meningkatkan tahap kebolehbacaan pelajar.

Pertama, fokuskan pendengaran anda kepada video yang dipertontonkan.

Kedua, dengar dengan teliti isu yang diutarakan.

ketiga, catatkan isu yang didengar dalam Jadual yang diberi.

Strategi penyampaian mesej atau melaksanakan pengajaran.

Bagi memindahkan reka bentuk pengajaran kepada pelaksanaan sebenar di bilik darjah enam cara digunakan, iaitu: (1) strategi prapengajaran, (2) penyampaian awal, (3) strategi generatif (4) transisi, (5) beban atau muatan kognitif (*cognitif load*), dan (6) ‘*goal-free effect*’.

Strategi prapengajaran melibatkan aktiviti membangkitkan hubungan pertama (*first contact*) antara pelajar dengan bahan pelajaran. Dalam modul ini, aktiviti prapengajaran juga dikenali dengan aktiviti memperkenalkan isu. Dalam Modul 1, video ‘Kami Prihatin’ digunakan bagi memperkenalkan kepada pelajar isu masalah sosial yang berleluasa masa kini, iaitu isu buang bayi.

Proses penyampaian awal (*initial presentation*) pula melibatkan proses memahami isu. Dalam sesi penyampaian awal, beberapa cara digunakan, antaranya ialah penggunaan kata kunci (*cues word*), contoh, ‘*heading*’ dan sebagainya bagi meningkatkan kejelasan dan mengurangkan jurang pemahaman (*step-size*). Dalam Modul 1 (Langkah 1) misalnya, pelajar dibekalkan sebuah teks (keratan akhbar) bertajuk “Bayi berbalut surat khabar ditemui dikaki lima” digunakan bagi menjelaskan kepada pelajar isu yang dibincangkan.

Langkah seterusnya ialah penggunaan strategi generatif atau langkah meneroka isu. Strategi ini menggalakkan pelajar memainkan peranan aktif dalam setiap unit pelajaran bagi menunjukkan pemahaman mereka terhadap pelajaran yang disampaikan. Dalam Modul 1 (Langkah 2) misalnya, pelajar membaca dan mencari faktor remaja terjebak dalam masalah sosial.

Setelah selesai membuat generatif dan parafrasa, strategi transisi atau peralihan perlu dilakukan bagi menghubungkan antara satu objektif atau idea dengan objektif atau idea yang lain. Dalam Modul 1 misalnya, langkah ini digunakan bagi mengurangkan ‘*step-size*’. Contoh penggunaan transisi ialah:

Berdasarkan maklumat yang kita bincangkan tadi, cikgu mahu kamu semua lengkapkan poster yang dalamnya termuat maklumat tentang ‘Masalah Sosial: Apakah Peranan Anda’.

Yang berikut ialah Jadual 3.16 yang menunjukkan strategi pengajaran yang digunakan dalam Modul 1.

Jadual 3.16: *Strategi Penyampaian Mesej dalam Modul*

| Strategi Penyampaian Mesej | Tujuan | Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran |
|-----------------------------------|---------------|--|
| Strategi prapengajaran | Mengenal isu | Tonton dan fahami isu yang ditonton dalam Video ‘Kami Prihatin’ |
| Penyampaian awal | Memahami isu | Membaca teks dan berbincang tentang isu buang bayi |
| Strategi generatif | Meneroka isu | Mengetahui dan membincangkan peranan remaja dalam menangani masalah sosial ini |
| Transisi | Aplikasi isu | Menyatakan peranan remaja bagi mengatasi masalah ini dalam bentuk poster |

Bebanan atau muatan kognitif juga diberi pertimbangan ketika melaksanakan pengajaran bagi memastikan bahan pelajaran yang ingin disampaikan kepada pelajar memenuhi beban kognitif mereka. Oleh sebab itu, teks ‘Remaja dan Masalah Sosial’ dalam Modul 1 (Langkah 2) misalnya, diubah suai agar sesuai dengan beban kognitif dan sesuai dengan pelajar.

Dari aspek kaedah pengajaran, tiga kaedah utama digunakan, iaitu kaedah kumpulan, individu dan kumpulan kecil bagi memastikan keseimbangan kaedah

pengajaran (Morrison, et al. , 2007; J. P. Miller, 2007). Dalam modul ini, kaedah kumpulan, individu dan kumpulan kecil diaplikasi bagi memberi peluang kepada semua pelajar melalui pembelajaran yang seimbang. Jadual 3.17 menunjukkan kaedah penyampaian mesej atau bahan pembelajaran yang diaplikasikan dalam Modul 1 dan 6.

Jadual 3.17: *Kaedah Penyampaian Mesej dalam Modul*

| Modul | Langkah Pelajaran | Aktiviti Kemahiran Berbahasa | Kaedah Penyampaian Mesej |
|--------------|-----------------------------|---|---------------------------------|
| 1 | Langkah 1 (Memahami isu) | Membaca dan membuat inferens terhadap teks yang dibaca. | Diskusi secara kelas |
| | Langkah 2 (Meneroka isu) | Menyatakan peranan remaja bagi mengatasi masalah sosial berdasarkan teks yang dibaca. | Aktiviti kumpulan kecil |
| | Langkah 3 (Aplikasi isu) | Melengkap poster dengan menggunakan ayat songsang yang tepat. | Aktiviti kumpulan kecil. |
| 6 | Langkah 1 (Memahami isu) | Berbincang tentang filem yang ditonton. | Perbincangan kelas |
| | Langkah 2 (Meneroka isu) | Melakonkan kembali watak dalam filem dan iklan yang ditonton. | Aktiviti kumpulan/main peranan |
| | Langkah 3 (Aplikasi isu) | Menulis komentar tentang budaya masyarakat Malaysia berdasarkan gambar yang dilihat. | Aktiviti individu. |

Membina instrumen penilaian pengajaran.

Komponen yang terakhir dalam fasa perancangan pembinaan modul ialah mereka bentuk instrumen penilaian pengajaran. Instrumen dibina bagi mengukur: (1) pengetahuan, dan kemahiran, (2) tingkah laku dan sikap pelajar, dan (3) kebolehcapaian objektif pengajaran (Morrison et al, 2007). Proses penilaian ini dilakukan sepanjang proses pembelajaran. Dalam Modul 2 misalnya, bagi mengukur objektif tingkah laku tercapai atau tidak, pengkaji menggunakan pelbagai teknik. Jadual 3.18 menunjukkan teknik yang digunakan bagi mengukur objektif tingkah laku dalam modul tersebut.

Jadual 3.18: *Objektif Tingkah laku dan Instrumen Penilaian yang Digunakan dalam Modul 1*

| Objektif Tingkah Laku | Instrumen Penilaian | Contoh |
|--|----------------------------|---|
| Menyatakan perasaan terhadap isu yang dibincangkan. | Soalan terbuka | Apakah perasaan anda apabila melihat gambar/video ini? Apakah yang patut anda lakukan jika hal ini berlaku di hadapan anda/dalam kalangan keluarga anda? |
| Mengesan sekurang-kurangnya 5 maklumat yang terdapat dalam teks yang dibaca. | Lembaran kerja/Jadual | Apakah isu yang dibincangkan? Mengapa isu ini semakin membimbangkan? Kes manakah yang paling kadar peningkatannya? Kes manakah yang paling kerap berlaku? Apakah peranan anda bagi mengatasi masalah ini? |
| Membentangkan maklumat berdasarkan istilah statistik yang sesuai. | Perbentangan (lisan) | |

Bagi mengukur sikap, perasaan, nilai, dan kepercayaan pelajar, temu bual digunakan. Fokus penilaian sikap adalah untuk menilai keseluruhan pengajaran yang disampaikan dalam modul pengajaran ini. Penilaian sikap ini melibatkan reaksi atau maklum balas pelajar terhadap pengajaran yang mereka terima (sama ada suka atau tidak) dan cadangan mereka untuk meningkatkan pengajaran.

Penilaian objektif afektif pula melibatkan kadar perubahan sikap setelah mengikuti sesuatu instruksi. Bagi mengukur perubahan ini, temu bual pra dan temu bual pasca digunakan. Temu bual pra ialah temu bual sebelum pengajaran dijalankan, manakala temu bual pasca dijalankan selepas pelaksanaan pengajaran. Tujuannya adalah bagi mendapatkan perbezaan pandangan pelajar sebelum dan selepas mengikuti instruksi. Antara perkara yang dinilai ialah (1) minat terhadap pelajaran (2) perhatian terhadap pelajaran, (3) penglibatan aktif (mencatat nota, menjawab soalan dan mengangkat tangan), dan (4) kesan positif (senyuman, anggukan dan ketawa). Namun,

dalam kajian ini, temu bual separa struktur digunakan bagi mendapatkan data tentang kekuatan dan kelemahan modul yang dibangunkan ini. Jadual 3.19 menunjukkan antara aspek yang disoal dalam temu bual guru dan pelajar bagi mendapatkan data tersebut.

Jadual 3.19: *Aspek Penilaian Sikap dan Minat*

| Aspek | Soalan |
|--|---|
| Kerelevanan isu dan topik | Adakah isu atau topik yang dibincangkan sesuai dan relevan dengan kehidupan anda? |
| Kemampuan mencabar pengetahuan pelajar | Adakah strategi pengajaran yang dijalankan mencabar pengetahuan anda? |
| Bersifat menarik minat pelajar | Adakah strategi pengajaran yang dijalankan menarik minat anda? |

Fasa 3: Fasa Pelaksanaan dan Penilaian Modul

Tujuan penilaian formatif.

Fasa penilaian merupakan fasa ketiga dalam kajian ini. Terdapat tiga jenis penilaian yang boleh dilaksanakan dalam menilai keseluruhan pengajaran, iaitu penilaian formatif, sumatif dan pengesahan (*confirmative*). Dalam kajian ini, hanya penilaian formatif sahaja dilaksanakan. Tujuan penilaian formatif adalah bagi menilai kemampuan pelajar mengikuti pembelajaran yang dirancang. Penilaian formatif dijalankan semasa proses pembangunan dan pelaksanaan modul. Tujuannya adalah untuk memberi maklumat kepada pereka bentuk pengajaran tentang kemampuan modul yang dibangunkan dan sangat berguna kerana boleh menjimatkan masa, tenaga dan kewangan (Morrison et al. 2007).


Antara cara yang boleh digunakan bagi mendapatkan data dalam penilaian formatif ialah ujian, reaksi dan temu bual dengan pelajar, pemerhatian sesi pembelajaran, komen atau ulasan pakar subjek, dan pandangan guru yang menggunakan

modul. Data ini penting bagi memastikan urutan pembelajaran, prosedur, bahan pembelajaran yang disampaikan menepati kehendak objektif pelajaran (Tessmer, 1993).

Kesimpulannya, penilaian merupakan elemen penting dalam proses perancangan dan pelaksanaan instruksi. Oleh itu, bagi memastikan modul pengajaran Bahasa Malayu secara bersepadu dibina dan diuji dengan baik, penilaian formatif dijalankan.

Fasa penilaian formatif.

Proses penilaian formatif ini melibatkan empat jenis penilaian, iaitu penilaian pakar, penilaian satu dengan satu, penilaian kumpulan kecil (kajian rintis) dan penilaian lapangan (Tessmer, 1993; Dick, L. Carey, & J. O. Carey, 2005; Morrison et al., 2007). Penilaian formatif ini melibatkan tiga pihak yang berkepentingan: (1) pereka bentuk pengajaran, (2) kumpulan pakar, dan (3) pengguna (Tessmer, 1993). Rajah 3.4 menunjukkan proses pelaksanaan penilaian formatif yang dijalankan dalam proses pembangunan modul. Jadual 3.20 pula menunjukkan ringkasan fasa kajian, jenis penilaian dan teknik yang digunakan dalam proses penilaian formatif.



Rajah 3.4. Proses penilaian modul pengajaran Bahasa Melayu. Diadaptasi daripada “Model Penilaian Formatif “ oleh M. Tessmer, 1993, *Planning Conducting Formative Evaluations*, hlm. 16.

Jadual 3.20: Ringkasan Fasa Penilaian dan Teknik yang Digunakan

| Fasa Kajian | Jenis Penilaian Formatif | Teknik Penilaian |
|--------------------------------------|--|---|
| Fasa 2: | Penilaian pakar | Komen dan ulasan (<i>review</i>) dan pakar |
| Fasa Reka bentuk dan Pembinaan Modul | Penilaian satu dengan satu | Komen dan ulasan guru dan pelajar |
| Pelaksanaan dan Penilaian | Penilaian kumpulan kecil (kajian rintis) | Komen dan ulasan secara mendalam 11-15 pelajar (Kumpulan 1, 11 pelajar, Kumpulan 2=12 pelajar, Kumpulan 3=15 pelajar) |
| | Penilaian lapangan | Komen dan ulasan secara mendalam dengan pelajar dan guru |

Penilaian pakar.

Ulasan kumpulan pakar diperlukan bagi memastikan kesahan modul (Tessmer, 1993). Oleh sebab itu, dalam kajian ini sekumpulan pakar yang terdiri daripada dua pakar kandungan pelajaran Bahasa Melayu, dua pakar reka bentuk pengajaran, dan dua pakar pedagogi Bahasa Melayu dilibatkan.

Aspek yang dinilai oleh pakar kandungan pelajaran Bahasa Melayu ialah: (1) kesesuaian kandungan modul dengan sukatan pelajaran BM Tingkatan Empat, (2) kemampuan kandungan modul pengajaran BM untuk memenuhi objektif pelajaran yang ditetapkan, dan (3) pelaksanaan pengajaran bahasa secara menyeluruh. Perincian penilaian pakar kandungan dinyatakan dalam Lampiran E1.

Aspek penilaian pedagogi atau strategi pengajaran melibatkan penilaian pakar terhadap (1) kejelasan dan kebolehcapaian objektif pelajaran, (2) pengembangan isi pelajaran, (3) aras penguasaan isi pelajaran, (4) kesesuaian dan keberkesanan aktiviti yang dijalankan, (5) keberkesanan dan kesesuaian bahan pembelajaran yang digunakan, dan (6) kesesuaian dan keberkesanan penilaian membantu mencapai objektif pelajaran. Lampiran E2 menunjukkan perincian penilaian reka bentuk modul. Bagi mendapatkan data daripada kesemua pakar, temu bual semi struktur digunakan. Item-item penilaian pakar disentuh dalam bahagian instrumen kajian.

Aspek penilaian reka bentuk pengajaran pula melibatkan penilaian pakar terhadap (1) kesesuaian modul pengajaran dengan latar belakang dan pengetahuan pelajar, (2) kesesuaian modul dengan keperluan konteks pembelajaran dan objektif pelajaran, (3) kebolehukuran objektif pelajaran, (4) pemilihan dan penyusunan kandungan pelajaran, (5) ketepatan langkah-langkah atau urutan (*sequencing*) pengajaran yang digunakan, (6) kesesuaian bahan pembelajaran, dan (7) prinsip

penilaian berterusan dan autentik. Perincian penilaian reka bentuk modul ditunjukkan dalam Lampiran E3.

Penilaian satu dengan satu.

Pelaksanaan penilaian satu dengan satu melibatkan pengguna modul ini, iaitu guru dan pelajar. Penilaian ini dilakukan bagi melihat: (1) kejelasan (*clarity*) maklumat dan mesej pengajaran, khususnya dari aspek bahasa dan arahan yang dinyatakan dalam pengajaran, (2) kesan pengajaran kepada objektif dan pelajar, dan (3) kebolehlaksanaan (*feasibility*) bahan pembelajaran, khususnya daripada aspek masa yang diperuntukkan dan aktiviti yang dicadangkan dalam pengajaran (Tessmer, 1993; Morrison et al, 2007; Smith & Ragan, 1999; Dick, Carey, & Carey, 2005). Ringkasan kriteria penilaian satu dengan satu ditunjukkan dalam Jadual 3.21.

Jadual 3.21: *Kriteria Penilaian Satu dengan Satu*

| KRITERIA | MESEJ | LINK | PROSEDUR |
|------------------------|--|---|-------------|
| Kejelasan pengajaran | Tahap kosa kata | Konteks | Urutan |
| | Kesukaran ayat | Contohan | Saiz segmen |
| | Kesukaran mesej | Analogi | Peralihan |
| | Pengenalan | Ilustrasi | Kelajuan |
| | Huraian | Demonstrasi | Variasi |
| | Kesimpulan | Ulangkaji | |
| | Penyampaian | Rumusan | |
| | SIKAP | PENCAPAIAN | |
| Impak terhadap pelajar | Menyediakan maklumat dan kemahiran yang relevan. Sejauh mana maklumat dan kemahiran mudah dipelajari. Sejauh mana pelajar puas hati dengan kemahiran yang diperoleh. | Kebolehan menguasai kemahiran berbahasa | |
| KRITERIA | PELAJAR | SUMBER | |
| Kebolehlaksanaan | Kematangan Independen Motivasi | masa peralatan persekitaran | |

(sumber: Dick, L. Carey, & J. O. Carey, 2005, hlm. 284).

Penilaian ini melibatkan guru mata pelajaran dan tiga (3) pelajar bagi setiap modul. Pada tahap ini, penyelidik berhadapan secara langsung dengan guru dan tiga pelajar bagi mengenal pasti, mengubah suai dan membuang mana-mana kelemahan yang terdapat dalam modul pengajaran. Bagi mendapatkan data dalam tahap penilaian satu dengan satu ini, pemerhatian dan temu bual dilakukan.

Penilaian kumpulan kecil/kajian rintis.

Pelaksanaan dan penilaian dalam kumpulan kecil pula melibatkan tiga kumpulan pelajar (11 pelajar bagi kumpulan 1, 12 pelajar (kumpulan 2) dan 15 pelajar (kumpulan 3) yang sama kriterianya dengan pelajar sasaran kajian ini. Terdapat dua tujuan utama penilaian dijalankan dalam fasa ini. Pertama, bagi melihat keberkesanan perubahan yang dibuat dalam tahap penilaian satu dengan satu, dan kedua bagi menentukan sama ada pelajar boleh mengikuti proses pembelajaran tanpa interaksi dengan penyelidik (Dick, et al., 2005). Kriteria yang menjadi ukuran kepada keberkesanan modul pada tahap ini ialah (a) isi kandungan, (b) aktiviti pengajaran dan pembelajaran, (c) bahan pembelajaran yang digunakan, (d) masa yang diperuntukkan, dan (e) penilaian yang digunakan dalam modul pengajaran BM (Tessmer, 1993; Smith dan Ragan, 1999; Morrison et al, 2007). Bagi mendapatkan data tahap pelaksanaan dan penilaian kumpulan kecil ini, pemerhatian dan temu bual separa struktur dilakukan. Laporan daripada penilaian formatif ini digunakan bagi menyemak semula dan memperbaiki pengajaran yang dibangunkan.

Penilaian lapangan/penilaian kelas sebenar.

Pelaksanaan dalam kelas sebenar pula dilakukan bagi menentukan sama ada perubahan yang dilakukan dalam penilaian kumpulan kecil berkesan dan juga

menentukan sama ada modul yang dibangunkan ini boleh digunakan dalam konteks yang sebenar (Dick, et al., 2005). Dalam tahap ini, modul pengajaran yang diubah suai hasil daripada penilaian satu dengan satu dan penilaian kumpulan kecil dilaksanakan dalam penilaian lapangan. Penyelidik tidak terlibat secara langsung dalam pelaksanaan modul seperti yang dilakukan dalam tahap reka bentuk dan pembinaan modul. Bagi mendapatkan data, pemerhatian sesi pengajaran guru dan temu bual dengan guru dan pelajar dilakukan selepas setiap sesi pengajaran BM dilaksanakan. Jadual 3.22 menunjukkan tahap pelaksanaan dan penilaian modul pengajaran BM bagi Fasa 3.

Secara keseluruhannya, dalam kajian ini, proses pembinaann dan penilaian modul dilakukan berdasarkan teknik yang diketengahkan oleh Tessmer (1993) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.4. Menurut beliau, proses penilaian formatif ini melibatkan empat jenis penilaian, iaitu penilaian pakar, penilaian satu dengan satu, penilaian kumpulan kecil dan penilaian lapangan.

Jadual 3.22: *Tahap Fasa Pelaksanaan dan Penilaian*

| Tahap | Fasa Pelaksanaan | Tujuan | Pengguna | Cara Menilai |
|-----------------------------------|---------------------------|--|--|-----------------------------------|
| Penilaian Pakar | Reka bentuk dan Pembinaan | Mengenal pasti kesahan kandungan modul | Sekumpulan pakar (6 orang) | Ulasan dan komen pakar |
| Penilaian satu dengan satu | Reka bentuk dan Pembinaan | Mengenal pasti kejelasan, impak dan kebolehlaksanaan | Guru dan pelajar | Ulasan dan komen guru dan pelajar |
| Penilaian kumpulan kecil (rintis) | Permulaan/Draf awal | Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan | Sekumpulan kecil pelajar (Kumpulan 1=11 pelajar, Kumpulan 2=12 pelajar, Kumpulan 3=15 pelajar) | Ulasan dan komen guru dan pelajar |
| Penilaian lapangan | Lengkap | Mengenal pasti kebolehgunaan modul/pelaksanaan sebenar | Kelas sebenar | Ulasan dan komen guru dan pelajar |

Pemilihan Peserta Kajian

Peserta kajian dalam kajian ini dibahagi kepada tiga kelompok utama: (1) peserta kajian fasa analisis keperluan, (2) peserta kajian fasa reka bentuk dan pembinaan modul, dan (3) peserta kajian fasa pelaksanaan dan penilaian. Peserta kajian fasa analisis keperluan melibatkan empat guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat, guru panitia Bahasa Melayu, guru kanan Bahasa Melayu, dan pelajar Tingkatan Empat. Peserta kajian fasa reka bentuk dan pembinaan melibatkan pakar dan pengguna (guru dan pelajar), manakala peserta kajian fasa pelaksanaan dan penilaian melibatkan dua kumpulan, iaitu (1) peserta kajian kumpulan kecil atau rintis, dan (2) peserta kajian kelas sebenar atau lapangan. Dalam kajian rintis, dua guru dan sembilan kumpulan pelajar (27 pelajar) terlibat. Dalam kajian kelas sebenar pula, tiga guru dan tiga kelas dilibatkan. Perincian tentang pemilihan peserta kajian dibincangkan selepas ini.

Pemilihan Peserta Kajian Fasa Analisis Keperluan

Dalam fasa analisis keperluan, empat orang guru BM Tingkatan Empat, yang kesemua mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun dipilih sebagai peserta kajian. Patton (1990) menyatakan bahawa bilangan peserta yang kecil membolehkan pengkaji menyiasat perkara yang diselidik dengan lebih mendalam (*depth*). Pemilihan mereka dibuat secara persampelan bertujuan. Kaedah ini digunakan kerana peserta kajian yang dipilih itu mempunyai maklumat yang ingin diketahui dan mengetahui perkembangan dan perjalanan sesuatu fenomena di tapak kajian dengan baik (Creswell, 2008). Hal ini sejajar dengan pandangan Merriam (2001) yang mengatakan bahawa memilih peserta kajian yang berkeupayaan akan membolehkan mereka memberi maklumat sehingga mencapai tahap tiada lagi maklumat baharu atau maklumat itu bertindan. Oleh sebab penyelidik tidak mengetahui siapakah peserta kajian

yang boleh memberi maklumat yang kaya (*rich*) dalam kajian awal, teknik ‘*snowball*’ digunakan (Creswell, 2008). Menurut Patton (1990), teknik ‘*snowball*’ ialah strategi yang baik bagi mengenal pasti peserta kajian daripada orang yang mengenali peserta kajian tersebut. Dalam kajian ini, peserta kajian dicadangkan oleh Pengetua dan Guru Kanan Bahasa. Guru yang dipilih ialah Cikgu Ezzah (G1), Cikgu Rozila (G2), Cikgu Mimah (G3) dan Cikgu Hana (4) (bukan nama sebenar).

Peserta kajian yang pertama ialah Cikgu Ezzah. Beliau mengajar lebih daripada 18 tahun. Opsyen beliau adalah Sejarah dan Bahasa Melayu, namun beliau kurang berminat mengajar BM. Katanya:

“Saya lebih suka mengajar sejarah. Mengajar BM dah lama tinggal. Sekarang ni pun jadi guru ganti saje. Cikgu BM sebenar pindah sekolah lain naik pangkat.”

Cikgu Rozila pula berpengalaman lebih 23 tahun sebagai guru. 10 tahun sebagai guru sekolah rendah, dan 13 tahun sebagai guru berijazah. Sebelum ini, semasa di sekolah rendah, beliau bukanlah guru BM. Setelah mengajar di sekolah ini baharulah beliau mengajar BM. Beliau sangat komited dengan pengajarannya. Pencerapan yang dilakukan sebanyak dua kali menunjukkan beliau sangat serius dengan pengajarannya. Tambahan pula beliau dilantik sebagai guru BM Tingkatan Enam yang melayakkannya sebagai guru DG 44.

Cikgu Mimah juga merupakan seorang guru yang berpengalaman. Beliau mengajar selama 28 tahun. 16 tahun sebagai guru sekolah rendah dan 14 tahun sebagai guru berijazah. Beliau berkelulusan Sarjanamuda Pendidikan dari Universiti Malaya. Pengkhususan beliau ialah pendidikan BM. Berpengalaman luas dalam mengajar BM di sekolah menengah. Beliau juga merupakan guru kemahiran hidup Tingkatan Tiga. Komited dalam pengajarannya. Hal ini dapat

dibuktikan melalui pencerapan yang dijalankan di bilik darjah. Suaranya sangat lantang dan tegas. Beliau sangat mengambil berat tentang akademik pelajarinya.

Peserta kajian yang keempat ialah Cikgu Hana. Beliau masih muda, namun berpengalaman mengajar selama 10 tahun di sekolah ini sebagai guru BM. Berkelulusan Sarjanamuda Kemanusiaan dari USM. Mendapat Diploma Pendidikan dari Institut Pendidikan Sultan Idris (IPSI) pada tahun 2000 dalam bidang BM. Beliau kelihatan kurang berkeyakinan semasa mengajar. Suaranya tidak lantang. Beliau juga kurang tegas ketika mengajar. Jadual 3.23 menunjukkan kriteria pemilihan peserta kajian bagi fasa kajian analisis keperluan.

Jadual 3.23: *Pengalaman dan bidang Peserta Kajian (Guru)*

| Peserta kajian | Kriteria Pemilihan |
|-----------------------|---|
| Cikgu Ezzah (G1) | Guru berijazah dan berpengalaman. Mengajar selama 18 tahun (sejak 1991). Bidang atau opsyen Sejarah dan Bahasa Melayu. |
| Cikgu Rozila (G2) | Guru berijazah dan berpengalaman. Mengajar selama 23 tahun (sejak 1987). Opsyen BM. Memiliki ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu. |
| Cikgu Mimah (G3) | Guru berijazah dan berpengalaman. Mengajar selama 28 tahun (sejak 1983). Opsyen Bahasa Melayu. |
| Cikgu Hana (G4) | Guru berijazah dan berpengalaman. Mengajar selama 11 tahun, iaitu sejak 1999. Lepas USM dan IBMM Opsyen BM dan Kesusasteraan Melayu. |

Kesimpulannya, semua guru yang dipilih sebagai peserta kajian memiliki pengalaman mengajar yang lama (lebih daripada 10 tahun) dan membuat pengkhususan dalam Bahasa Melayu semasa di universiti. Pengalaman yang luas ini membolehkan mereka memberi maklumat yang mencukupi kepada penyelidik.

Bagi memastikan berlakunya triangulasi sumber data, pelajar keempat-empat guru yang dipilih sebagai peserta kajian juga dilibatkan sebagai peserta kajian. Setiap


kumpulan fokus ini terdiri daripada 6 pelajar bagi setiap kumpulan. Pemilihan mereka didasarkan kepada aspek yang berikut, iaitu pelbagai (1) kebolehan, (2) kaum, dan (3) djantina. Dalam kajian ini, kumpulan fokus yang terlibat diringkaskan seperti dalam Jadual 3.24. Di samping itu, kelas 4P1 dan kelas 4P6 turut ditemu bual bagi mendapatkan data tambahan.

Jadual 3.24: *Peserta Kajian (Pelajar) dalam Kajian Awal*

| Kumpulan Fokus | Kelas | Bil. Pelajar | Tahap Pencapaian Kelas | Peserta Kajian (Guru) |
|-----------------------|--------------|---------------------|-------------------------------|---|
| Kumpulan Fokus 1 | 4P1 | 6 | Cemerlang | Cikgu Zali_tidak terlibat dalam kajian |
| Kumpulan Fokus 2 | 4P2 | 6 | Cemerlang | G2 |
| Kumpulan Fokus 3 | 4P3 | 6 | Sederhana | G4 |
| Kumpulan Fokus 4 | 4P4 | 6 | Sederhana | G1 |
| Kumpulan Fokus 5 | 4P5 | 6 | Rendah | G3 |
| Kumpulan Fokus 6 | 4P6 | 6 | Rendah | Cikgu Sidah_tidak terlibat dalam kajian |

Kumpulan fokus pelajar ditandai mengikut kelas mereka, misalnya KP1 mewakili kelas 4P1 dan begitulah seterusnya. Dari segi pencapaian akademik secara keseluruhan, KP1 dan KP2 merupakan kelas cemerlang, KP3 dan KP4 (sederhana), manakala KP5 dan KP6 (berpencapaian rendah). Bagi memastikan setiap kumpulan diwakili oleh pelbagai latar belakang pelajar, penyelidik meminta bantuan guru Bahasa Melayu memilih pelajar untuk menjadi ahli kumpulan fokus berdasarkan pencapaian Bahasa Melayu PMR (2009), kaum, jantina dan kebolehan berinteraksi dengan penyelidik dan ahli kumpulan yang lain.

Bagi memastikan data yang dikumpulkan bersifat mendalam, lengkap dan datangnya dari pelbagai sumber dan pandangan (Merriam, 2001), pihak pengurusan kurikulum Bahasa Melayu, iaitu guru panitia BM dan guru kanan bahasa juga ditemu bual. Rajah 3.5 menunjukkan taburan peserta kajian dalam Fasa 1.



Rajah 3.5. Taburan peserta kajian Fasa 1.

Bagi memastikan pembangunan modul sesuai dengan ciri-ciri pelajar, penyelidik mengadakan perbincangan dengan Guru Kanan Bahasa, Guru Panitia BM Tingkatan Empat, dan guru BM Tingkatan Empat yang lain. Hasil perbincangan, penyelidik ditetapkan agar menggunakan kelas 4P2, 4P3, dan 4P4, 4P5, dan 4P6 sebagai peserta kajian atas alasan setiap kelas mewakili pencapaian yang berbeza dan mempunyai taburan jantina dan kaum yang seimbang. Guru Kanan Bahasa dan Guru Panitia BM Tingkatan Empat tidak menggalakkan kelas 4P1 dan 4P7 menjadi peserta kajian kerana kelas 4P1 dimonopoli oleh pelajar perempuan, manakala kelas 4P7 merupakan kelas berpencapaian amat rendah kerana ada ramai pelajarnya masih tidak boleh membaca.

Pengkaji juga menggunakan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi mendapatkan maklumat pencapaian BM pelajar. Keputusan peperiksaan ini pengkaji gunakan bagi (1) mendapatkan gambaran awal tentang pencapaian pelajar

dalam pelajaran Bahasa Melayu, dan (2) memilih peserta kajian dalam kumpulan fokus. Daripada semua maklumat tersebut, kelas 4P2 yang mewakili kelas sains, kelas 4P3 dan 4P4 (mewakili kelas sederhana) dan kelas 4P5 dan 4P6 (mewakili kelas berprestasi rendah) dipilih sebagai peserta kajian dalam kelas ini. Kesemua kelas diwakili oleh tiga kaum terbesar, iaitu Melayu, India dan Cina dan mempunyai taburan jantina yang seimbang.

Selain pelajar, guru BM Tingkatan Empat juga merupakan pengguna modul pengajaran ini. Oleh sebab itu, modul yang dibangunkan ini juga mengambil kira pengetahuan dan pengalaman guru. Pengetahuan dan pengalaman guru dalam bidang pengajaran bahasa penting bagi membolehkan mereka melaksanakan dan membuat penilaian terhadap modul yang dibangunkan, khususnya dalam fasa penilaian satu dengan satu. Berdasarkan kriteria pengetahuan dan pengalaman, Guru BM Tingkatan Empat yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun dipilih menjadi peserta kajian dalam kajian ini. Pemilihan guru secara persampelan bertujuan ini dilakukan berdasarkan teknik *snowball* atau dirujuk oleh guru panitia BM Tingkatan Empat dan guru kanan bahasa sekolah kajian. Kaedah ini digunakan kerana peserta kajian yang dipilih itu mestilah mempunyai maklumat yang ingin diketahui dan mengetahui perkembangan dan perjalanan sesuatu fenomena di tapak kajian dengan baik

Pemilihan Peserta Kajian Fasa Reka bentuk dan Pembinaan

Dalam fasa reka bentuk dan pembinaan, dua kelompok peserta kajian terlibat dalam kajian ini, iaitu enam pakar dan pengguna (guru dan pelajar). Enam orang pakar dilantik bagi menilai kesahan modul. Pengguna (guru dan pelajar) pula dipilih bagi menilai kejelasan, impak dan kebolehlaksanaan modul.

Kumpulan pakar.

Pakar dilantik berdasarkan kepakaran masing-masing, iaitu pakar reka bentuk instruksi, pakar kandungan atau kurikulum Bahasa Melayu, dan pakar pengajaran bahasa. Bagi memastikan penilaian modul dilakukan dengan berkesan, penilaian pakar dibuat berdasarkan kriteria yang berikut: (1) dilantik berdasarkan pengetahuan yang tinggi dan luas, dan (2) berpengalaman luas dalam bidang yang diwakili. Berdasarkan kriteria di atas, pengkaji melantik enam orang pakar bagi menilai kandungan atau kurikulum, reka bentuk dan pedagogi yang diaplikasikan dalam modul. Pakar penilaian kesahan kandungan modul merupakan dua orang pensyarah yang memiliki ijazah doktor falsafah dalam pengajaran Bahasa Melayu. Pakar-pakar ini ditandai sebagai Pakar A1 dan A2. Pakar A berpengalaman selama 14 tahun mengajar pedagogi dan reka bentuk pengajaran Bahasa Melayu di universiti. Begitu juga dengan Pakar B.

Pakar ketiga dan keempat ialah pakar penilaian kesahan pedagogi modul pengajaran. Pakar-pakar ini ditandai sebagai Pakar B1 dan Pakar B2. Pakar B1 merupakan seorang pensyarah dan bidang tumpuannya ialah pengajaran dan reka bentuk pengajaran Bahasa Melayu. Berpengalaman selama 12 tahun membolehkan beliau memiliki pengalaman yang luas dalam bidang ini. Beliau juga ada menulis beberapa buah modul pengajaran Bahasa Melayu. Pakar B2 pula merupakan seorang guru pakar Bahasa Melayu dan berpengalaman dalam bidang pengajaran Bahasa Melayu. Beliau berpengalaman mengajar selama 26 tahun dan gred jawatannya DG48. Beliau juga merupakan jurulatih utama bagi mata pelajaran Bahasa Melayu sejak 10 tahun lalu.

Pakar kelima dan keenam pula merupakan pakar reka bentuk pembangunan modul pengajaran. Pakar-pakar ini ditandai sebagai Pakar C1 dan Pakar C2. Kedua-dua pakar ini merupakan pakar reka bentuk pengajaran dan berpengalaman mengajar kursus reka bentuk pengajaran di Universiti A lebih daripada 5 tahun. Pakar C1, misalnya

mengajar kursus ini selama 10 tahun, manakala Pakar C2 selama 6 tahun. Kesimpulannya, kumpulan pakar ini dipilih kerana mereka berpengalaman luas dan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang masing-masing. Jadual 3.25 menunjukkan ringkasan tentang pemilihan pakar dan jenis penilaian yang mereka lakukan.

Jadual 3.25: *Jenis Penilaian Pakar dan Kriteria Pemilihan*

| Pakar | Aspek yang Dinilai | Jawatan | Kriteria Pemilihan |
|--------------|-------------------------------|------------------------------|--|
| Pakar A1 | Kesahan Kandungan | Pakar A1: Pensyarah Kanan | Kedua-duanya berpengalaman dalam bidang pengajaran bahasa lebih daripada 14 tahun. |
| Pakar A2 | | Pakar A2: Pensyarah Kanan | |
| Pakar B1 | Kesahan Padagogi | Pakar B1: Pensyarah Kanan | Berpengalaman mengajar kursus pengajaran bahasa lebih daripada 12 tahun. |
| Pakar B2 | | Pakar B2: Guru Pakar | Berpengalaman selama 28 tahun. 5 tahun sebagai guru pakar Bahasa Melayu |
| Pakar C1 | Kesahan Reka bentuk Pembinaan | Pakar C1: Pensyarah Kanan | Berpengalaman mengajar kursus reka bentuk pengajaran (Pakar C1, 10 tahun, manakala Pakar C2, 6 tahun). |
| Pakar C2 | | Pakar C2: Pensyarah Kanan | |

Pengguna (guru Bahasa Melayu dan pelajar Tingkatan Empat).

Satu lagi jenis penilaian formatif yang dilakukan dalam fasa reka bentuk dan pembinaan ini ialah penilaian satu dengan satu. Tujuan penilaian satu dengan satu ialah bagi menilai kejelasan, impak, dan kebolehlaksanaan modul. Peserta kajian yang terlibat dalam penilaian ini ialah guru dan pelajar. Proses penilaian ini melibatkan sekurang-kurangnya tiga pelajar bagi satu-satu modul dan seorang atau dua orang guru. Menurut Dick, et al. (2005) ketiga-tiga pelajar tersebut hendaklah mewakili kriteria yang berikut, iaitu pencapaian dan sikap pelajar. Menurut mereka lagi, peserta kajian ini hendaklah mewakili pelajar yang berpencapaian baik, sederhana, dan lemah. Dari aspek sikap, Tessmer (1995) dan Dick, et al. (2005) menjelaskan bahawa peserta kajian hendaklah

mempunyai sikap yang positif, neutral, dan negatif serta sebaik-baiknya boleh memberi maklumat yang diinginkan.

Pemilihan Peserta Kajian Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

Penilaian kumpulan kecil atau kajian uji coba prototaip ditadbirkan kepada tiga kumpulan pelajar Tingkatan Empat (11-15 pelajar bagi setiap kumpulan). Kumpulan pelajar ini mempunyai banyak persamaan dengan peserta kajian yang sebenar, iaitu dari aspek taburan kaum, pencapaian akademik sekolah, khususnya mata pelajaran BM. Sekolah ini juga dipilih kerana kesanggupan gurunya menjalankan modul yang dibangunkan. Kelas-kelas yang dipilih didasarkan kepada kriteria yang berikut: (1) pencapaian pelajar yang berbeza (tinggi, sederhana dan rendah), (2) pelbagai latar belakang bahasa ibunda, (3) pelbagai latar belakang kemahiran, dan (4) pelbagai latar belakang pengetahuan (Dick, et al. (2005).

Setelah prototaip diuji dan beberapa pindaan dilakukan bagi memantapkan modul, tiga buah kelas, iaitu Kelas 1, Kelas 2, kelas 3 dipilih sebagai kelas yang akan mengikuti modul ini. Kelas 1 mewakili sekolah 1, dan begitulah seterusnya. Tiga sekolah digunakan kerana pengetua hanya membenarkan tiga modul sahaja dilaksanakan bagi setiap kelas agar tidak mengganggu perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah mereka.

Pemilihan guru dan kelas sebagai peserta kajian dilakukan berdasarkan: (1) kriteria yang telah ditentukan, (2) kesediaan guru untuk menjadi peserta kajian, dan (3) kebenaran pengetua sekolah. Antara kriteria pemilihan kelas dalam kajian rintis ini ialah pelajarannya terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum, jantina, dan pencapaian Bahasa Melayu yang agak baik. Pencapaian Bahasa Melayu pelajar didasarkan kepada

pencapaian pelajar dalam peperiksaan PMR 2010. Secara keseluruhannya, pemilihan peserta kajian bagi seluruh proses pembangunan kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.26.

Jadual 3.26: *Pemilihan Peserta Kajian Berdasarkan Fasa Kajian*

| <i>Fasa Kajian</i> | | <i>Peserta Kajian</i> | <i>Bilangan</i> |
|---------------------------------------|--|-----------------------------------|---|
| <i>Fasa Analisis Keperluan</i> | | Guru Bahasa Melayu Tingkatan 4 | 4 |
| | | Guru Panitia Bahasa Melayu | 1 |
| | | Guru Kanan Bahasa | 1 |
| | | Kumpulan Fokus Pelajar | 6 |
| <i>Fasa reka bentuk dan Pembinaan</i> | Penilaian pakar | Pakar bidang/Guru Pakar Guru | 6 2 |
| | Penilaian satu dengan satu | Pelajar | (3 orang satu kumpulan) |
| <i>Fasa Penilaian dan Pelaksanaan</i> | Penilaian Kumpulan Kecil (Rintis/Uji Cuba) | Pengajar 3 kumpulan Pelajar | 3 Kumpulan 1=11 pelajar, Kumpulan 2=12 pelajar, manakala Kumpulan 3=15 pelajar |
| | Penilaian kelas sebenar/Penilaian lapangan | Guru Pelajar | 3 3 kelas sebenar (satu kelas bagi setiap sebuah sekolah) |

Tapak Kajian

Tiga tapak kajian ditetapkan dalam kajian ini. Pertama ialah sekolah yang digunakan sebagai kajian analisis keperluan. Kedua, sekolah yang digunakan untuk fasa reka bentuk dan pembinaan. Ketiga, sekolah yang digunakan untuk kajian rintis, dan keempat ialah tapak kajian fasa penilaian lapangan. Jadual 3.27 ialah ringkasan tentang tapak kajian yang digunakan dalam kajian ini:

Jadual 3.27: *Taburan Sekolah yang Terlibat dalam Kajian*

| Bil. | Tapak Kajian | Fasa Kajian |
|------|--|--|
| 1 | SMK Dato Zulkifli Muhammad, Slim River, Perak. | Fasa Analisis Keperluan dan Fasa Pembinaan |
| 2 | SMK Sungkai, Perak | Kajian Rintis (Modul 1-9) |
| 3 | SMK SMK Dato Zulkifli Muhammad, Slim River, Perak. | Penilaian Lapangan (Modul 1-3) |
| 4 | SMK Sungkai, Perak | Penilaian Lapangan (Modul 4-6) |
| 5 | SMK Bidor, Perak | Penilaian Lapangan (Modul 7-9) |

Dalam fasa analisis keperluan, sekolah yang dipilih merupakan sekolah kerajaan yang terletak dalam lingkungan 1-3 kilometer (KM) daripada bandar. Sekolah ini dipilih sebagai tapak kajian atas beberapa kriteria seperti latar belakang sekolah, pencapaian akademik, khususnya pencapaian mata pelajaran BM, mudah diakses, dan kesanggupan guru dan pelajar bekerjasama dengan penyelidik.

Dari aspek latar belakang sekolah, sekolah harian ini mempunyai taburan kaum dan jantina yang seimbang. Nisbah kaum misalnya, ketiga-tiga sekolah ini terdiri daripada hampir 56 % pelajar Melayu, 23 % pelajar India dan 21 % pelajar Cina. Dari segi pencapaian akademik khususnya peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR), sekolah ini berada dalam kedudukan yang baik, iaitu dalam lingkungan 60 % pada tahun 2009. Keputusan PMR menunjukkan sekolah ini berada dalam kedudukan yang baik di daerah masing-masing, iaitu 50.4 % pada tahun 2004, 66.0 % (2005), 59.8 % (2006), 55.97 % (2007) dan 58 % (2008), dan 60% (2009). Pencapaian BM peringkat PMR juga amat baik, iaitu 89.3% pada tahun 2007, 92.4% (2008), dan 84.1% (2009).

Sekolah menengah ini juga dipilih sebagai tapak kajian kerana sekolah ini mudah diakses, dan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini mudah dihubungi. Pihak pentadbir juga tidak menghalang kajian ini dijalankan di sekolah ini. Malah, Pengetua di salah sebuah sekolah ini (SMK Dato Zulkifli Muhammad, Slim River, Perak) misalnya, memberi keizinan dan persetujuan yang jitu terhadap usaha penyelidikan ini di

sekolahnya. Beliau menyatakan bahawa pihaknya tidak ada apa-apa halangan, malah meminta Guru Kanan Bahasa dan Guru Panitia Bahasa memberi kerjasama penuh terhadap penyelidik. Situasi ini memungkinkan penyelidik memperoleh maklumat yang banyak (Marshall & Rossman, 1989: 54), khususnya tentang pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu.

Sekolah ini juga dipilih kerana sikap guru yang sanggup memberi kerjasama kepada pengkaji membolehkan wujudnya hubungan dan kepercayaan dengan peserta kajian. Hubungan dan kerjasama yang erat ini memungkinkan pengkaji memperoleh data yang berkualiti dan berkredibiliti (Patton, 1980; Merriam, 1988). Kerjasama dan sokongan pihak pentadbir sekolah, khususnya Pengetua dan guru-guru BM Tingkatan Empat menyebabkan sekolah ini sebagai tapak kajian. Kesimpulannya, kriteria-kriteria yang dinyatakan di atas menjadi penyebab kepada pemilihan sekolah ini sebagai tapak kajian dalam penyelidikan ini, sama ada sebagai tapak kajian dalam fasa analisis keperluan, reka bentuk dan pembinaan, dan pelaksanaan.

Dalam fasa kajian rintis atau penilaian kumpulan kecil dan kajian lapangan, tiga sekolah dijadikan sebagai tapak kajian. Selain sekolah yang dinyatakan di atas, Sekolah Menengah Kebangsaan Sungkai dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bidor turut dilibatkan. Pemilihan kedua-dua sekolah ini dilakukan kerana mempunyai ciri yang hampir sama dengan sekolah A, iaitu mempunyai taburan kaum dan jantina yang seimbang, pencapaian akademik yang agak baik dan kesediaan warga sekolah tersebut bekerjasama dalam kajian ini.

Peranan Penyelidik

Dalam kajian ini, penyelidik ialah instrumen utama kajian bagi memungut dan menganalisis data (Merriam, 2001). Oleh itu, “pengkaji perlu mempunyai strategi yang dan berkesan untuk memaksimumkan pengumpulan maklumat bermakna” (Othman Lebar, 2006, hlm. 70). Dalam kajian ini, pengkaji memainkan peranan yang berbeza, berdasarkan tujuan kajian ini dijalankan. Dalam fasa kajian awal, penilaian kumpulan kecil dan penilaian lapangan, pengkaji berperanan sebagai “pemerhati tak penglibatan” (*nonparticipant observer*). Pengkaji hanya melawat tapak kajian tanpa terlibat secara langsung di tapak kajian. Pengkaji hanya duduk di belakang kelas: melihat dan mencatat fenomena dalam kelas. Bagi merekod pemerhatian, catatan lapangan (*fieldnotes*) digunakan. Antara perkara yang diberi perhatian dalam pemerhatian ialah aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru dan pelajar. Contoh Catatan Lapangan ditunjukkan dalam Lampiran C. Menurut Creswell (2008), kaedah ini lebih mudah dilaksanakan kerana pentadbir sekolah (*gatekeepers*) dan individu yang terdapat di tapak kajian lebih selesa dengan situasi ini. Dalam fasa reka bentuk dan pembinaan pula, khususnya dalam fasa penilaian satu dengan satu, pengkaji berperanan sebagai partisipan sepenuhnya. Dalam fasa ini, pengkaji menemu bual dan menjalankan uji cuba prototaip modul.

Oleh sebab itu, sebagai instrumen utama dalam kajian ini, pengkaji perlu bersifat toleransi yang tinggi kerana sepanjang proses mereka bentuk kajian, mengumpul, dan menganalisis data, tiada satu set yang prosedur atau protokol yang boleh diikuti (Merriam, 2001). Pengkaji juga perlu bersifat sensitif ketika mengumpulkan data. Pengkaji harus peka terhadap data yang dikumpul sama ada data tersebut boleh didedahkan atau tidak. Penyelidik juga harus peka sama ada data mencukupi atau pun tidak. Penyelidik juga harus sensitif terhadap persekitaran kajian. Pengkaji harus tahu sama ada peserta kajian memberi maklumat yang tepat atau tidak. Pengkaji juga harus

peka terhadap peserta kajian sama ada mereka mahu meneruskan kerjasama ataupun tidak. Bagi mengatasi semua ini, adalah penting bagi mendapatkan kebenaran daripada *gatekeeper* (Lampiran K3) dan peserta kajian itu sendiri (Lampiran J dan J1).

Instrumen Kajian

Tiga teknik pengumpulan data digunakan, iaitu pemerhatian, temu bual, komen guru, pelajar, dan pakar, dan bukti dokumen. Bahagian ini akan membincangkan teknik pengumpulan data berdasarkan fasa kajian.

Instrumen Kajian Fasa Analisis Keperluan

Pemerhatian.

Dalam Fasa 1, pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen digunakan bagi mengumpul data. Pemerhatian digunakan bagi mengumpulkan data tentang pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu dalam bilik darjah. Pemerhatian guru dilakukan berdasarkan protokol catatan pemerhatian guru (Lampiran C). Semasa pemerhatian dilakukan di tapak kajian, penyelidik berperanan sebagai pemerhati tak penglibatan (*nonparticipant observer*). Penyelidik hanya melawat tapak kajian tanpa terlibat secara langsung di tapak kajian. Penyelidik hanya duduk di belakang kelas dan memerhati dan mencatat fenomena pengajaran Bahasa Melayu dalam catatan pemerhatian. Menurut Creswell (2008), kaedah pemerhati tak penglibatan ini lebih mudah dilaksanakan kerana pentadbir sekolah (*gatekeepers*) dan individu yang terdapat di tapak kajian lebih selesa dengan situasi ini. Jadual 3.28 menunjukkan bilangan pemerhatian yang dilakukan penyelidik.

Jadual 3.28: *Bilangan Pemerhatian Peserta Kajian Fasa Analisis Keperluan*

| Peserta Kajian | Kelas Diajar | Komponen Pengajaran Bahasa Melayu | Bilangan Pemerhatian |
|-----------------------|---------------------|--|-----------------------------|
| Cikgu Ezzah | 4P4 | Karangan: “Sektor Pelancongan” | 1 |
| Cikgu Rozila | 4P2 | KOMSAS: “Harga Remaja” Tatabahasa: “ayat aktif dan ayat pasif” | 1 1 |
| Cikgu Mimah | 4P5 | Rumusan: “Tanda-tanda dan sebab-sebab remaja terlibat dalam penagihan dadah”. Tatabahasa: “Ayat pasif dan ayat songsang”. | 1 1 |
| Cikgu Hana | 4P3 | Rumusan: “Sebab-sebab masyarakat memakai barangan berjenama dan kesan” | 1 |

Dalam kajian analisis keperluan ini, enam pemerhatian terhadap empat guru BM Tingkatan Empat dilakukan. Bilangan dan sasaran pemerhatian dinyatakan dalam Jadual 3.29. Berdasarkan Jadual 3.29, Cikgu Cikgu Hana dan Cikgu Ezzah diperhati sekali sahaja, manakala Cikgu Rozila dan Cikgu Mimah diperhati sebanyak dua kali berdasarkan pelajaran berlainan. Cikgu Ezzah dan Cikgu Hana diperhati sekali kerana mereka tidak memberi kerjasama untuk diperhati buat kali kedua. Komponen pelajaran bahasa yang diperhati melibatkan semua aspek pengajaran BM, iaitu karangan, KOMSAS, rumusan dan tatabahasa.

Temu bual separa struktur.

Bagi mendapatkan data yang lengkap, teknik temu bual digunakan. Temu bual dilakukan bagi mendapatkan data yang tidak diperoleh daripada pemerhatian seperti perasaan, pemikiran, dan tujuan peserta kajian (Patton, 1990, disebut dlm. Merriam, 2001: 72). Teknik ini juga dilakukan kerana temu bual merupakan satu cara untuk mendekati dan mengetahui dunia peserta kajian yang akan dikaji (Patton, 1980, disebut

dalam Creswell, 2008). Teknik ini juga dijalankan bagi mendapatkan “maklumat yang ‘segar’ (*fresh*) daripada peserta kajian tentang amalan pengajaran BM di bilik darjah” (terjemahan, Merriam, 2001, hlm. 75).

Dalam kajian awal ini, temu bual jenis separa struktur digunakan bagi mendapatkan data daripada guru dan pelajar. Temu bual separa struktur dijalankan bagi memastikan temu bual yang dijalankan terhadap guru dan pelajar berjalan secara terarah. Temu bual separa struktur terhadap guru melibatkan enam guru BM, iaitu empat guru mata pelajaran BM, Guru Kanan Bahasa dan Guru Panitia Bahasa Melayu. Temu bual ini dijalankan bagi mendapatkan data tentang pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Antara item yang disoal kepada guru ialah (1) objektif pengajaran, (2) perancangan pengajaran, (3) penekanan atau fokus pengajaran, (4) strategi pengajaran, (5) sikap pelajar, (6) bahan yang digunakan, dan (7) cara penilaian dijalankan. Protokol temu bual guru dilampirkan dalam Lampiran A1, A2, dan A3.

Temu bual separa berstruktur juga dijalankan terhadap enam kumpulan fokus pelajar (enam pelajar bagi setiap kumpulan). Teknik temu bual secara kumpulan dilakukan terhadap pelajar bagi memastikan mereka berasa ‘selamat’ untuk menyatakan dan berkongsi idea, kepercayaan dan sikap dalam satu kelompok yang berbeza latar belakang sosioekonomi, kaum, dan jantina (Madriz, 2000). Teknik ini dilakukan bagi mendapatkan “maklumat yang ‘segar’ (*fresh*) daripada peserta kajian tentang amalan pengajaran BM di bilik darjah” (terjemahan, Merriam, 2001, hlm. 75).

Teknik ini dilakukan bagi mewujudkan suasana selasa dan mengurangkan kebimbangan dan keraguan pelajar ketika berhadapan dengan pengkaji serta dapat menjimatkan masa (Creswell, 2008). Antara maklumat yang ditanya daripada pelajar ialah: (1) tujuan belajar Bahasa Melayu, (2) konteks pengajaran, (3) strategi yang guru gunakan dan pandangan mereka, (4) fokus pengajaran guru, (5) bahan yang digunakan

oleh guru, (6) perasaan terhadap pendekatan pengajaran guru, dan (7) cadangan pelajar bagi meningkatkan kualiti pengajaran bahasa. Bagi memastikan dan mengingatkan penyelidik terhadap soalan yang akan disoal (Creswell, 2008: 233), protokol temu bual pelajar digunakan. Protokol temu bual ini dinyatakan dalam Lampiran B. Keseluruhannya, temu bual kumpulan fokus pelajar dijalankan bagi mendapatkan pandangan pelajar terhadap proses pengajaran guru dan cadangan mereka bagi meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Melayu.

Bagi mendapatkan data lanjutan, temu bual mendalam dengan pelbagai pihak dijalankan. Temu bual dalam kajian ini melibatkan empat pihak, iaitu (1) empat guru BM yang diperhatikan sebelum ini, (2) enam kumpulan fokus pelajar, (3) Guru Panitia BM Tingkatan Empat, dan (4) Guru Kanan Bahasa Melayu. Sebanyak 15 kali temu bual dilakukan dalam kajian fasa analisis ini. Sasaran dan bilangan temu bual tersebut dinyatakan dalam Jadual 3.29.

Jadual 3.29: Sasaran dan Bilangan Temu bual Peserta Kajian Fasa Analisis Keperluan

| Peserta Kajian | Nama Guru/Kelas | Kelas diajar | Bilangan temu bual |
|--|------------------------|----------------------------|---------------------------|
| Guru Mata Pelajaran | Cikgu Ezzah | 4P4 (pencapaian sederhana) | 1 |
| | Cikgu Mimah | 4P5 (pencapaian lemah) | 2 |
| | Cikgu Rozila | 4P2 (pencapaian baik) | 2 |
| | Cikgu Hana | 4P3 (pencapaian sederhana) | 1 |
| Pelajar (Kumpulan Fokus) | 4P1 | | |
| | 4P2 | | 2 |
| | 4P3 | | 1 |
| | 4P4 | | 1 |
| | 4P5 | | 2 |
| | 4P6 | | 1 |
| Guru Panitia Bahasa Melayu Tingkatan 4 | | | 1 |
| Guru Kanan Bahasa | | | 1 |

Bukti dokumen.

Bukti dokumen pula digunakan bagi mendapatkan bukti tentang pelaksanaan pengajaran BM dalam bilik darjah. Merriam (2001) dan Creswell (2008) menyatakan bahawa bukti dokumen ialah sumber data yang penting bagi menyokong data temu bual dan pemerhatian. Dalam kajian ini dokumen seperti buku latihan pelajar, buku catatan guru, rancangan pelajaran tahunan dan mingguan digunakan bagi membantu penyelidik membuat triangulasi data dalam kajian ini. Creswell (2008) menjelaskan bahawa dokumen dapat menyediakan maklumat yang sangat berguna bagi membantu penyelidik memahami sesuatu fenomena. Dokumen juga memberi maklumat yang pantas kepada penyelidik kerana boleh terus dianalisis tanpa perlu ditranskripsi sebagaimana temu bual (Creswell, 2008). Dalam kajian ini, catatan harian guru dan buku latihan pelajar dikumpulkan untuk dianalisis bagi menyokong maklumat temu bual dan senarai semak. Bagi mendapatkan data tentang tahap pengetahuan pelajar dalam kemahiran bahasa, markah ujian BM peringkat sekolah digunakan. Ringkasan bukti dokumen dinyatakan dalam Lampiran D.

Instrumen Kajian Fasa Reka bentuk dan Pembinaan

Dalam fasa reka bentuk dan pembinaan, temu bual separa berstruktur digunakan. Temu bual ini dijalankan kepada kumpulan pakar dan pengguna modul, iaitu guru dan pelajar. Temu bual separa berstruktur digunakan kerana teknik ini dapat memberikan maklumat yang lebih terperinci dan menjimat kos dan masa berbanding dengan soal selidik (Morrison, Ross, & Kemp, 2007: 298).

Temu bual terhadap pakar yang dilantik dijalankan bagi mengumpul dan mendapatkan ulasan (*review*) pakar terhadap kesahan kandungan modul yang meliputi aspek reka bentuk, isi kandungan, dan strategi serta kaedah pengajaran yang digunakan.

Format temu bual separa struktur ini dilakukan secara bersemuka kerana dapat membantu penyelidik memperoleh data secara tepat berdasarkan isu yang ditetapkan (Merriam, 2001). Teknik ini dilakukan kerana (1) penyelidik boleh berinteraksi secara langsung dengan pakar dan dapat bertanya secara terus terhadap komen-komen yang diutarakan oleh pakar, (2) dapat mengemukakan soalan tambahan terhadap komen yang diberikan oleh pakar, dan (3) dapat mengenal pasti saranan pakar melalui bahasa badan dan intonasi (Tessmer, 1995). Isu yang dikemukakan berbeza bagi setiap pakar dan ditunjukkan dalam Lampiran E1, E2, dan E3.

Secara ringkasnya, item yang dikemukakan bagi mendapat ulasan pakar terhadap kandungan pelajaran ialah (1) kesesuaian kandungan dengan matlamat dan objektif pelajaran, (2) kesesuaian pemilihan Hasil Pembelajaran, (3) strategi pengajaran yang digunakan, (4) maklumat isi kandungan (menyeluruh atau tidak), (5) penilaian, dan (6) bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan. Item yang dikemukakan bagi mendapat ulasan pakar terhadap pedagogi modul pula ialah: (1) objektif pelajaran, pengembangan isi pelajaran, (3) isi pelajaran, (4) aktiviti pembelajaran, (5) bahan bantu mengajar, dan (6) strategi penilaian. Item untuk pakar reka bentuk pula ialah: (1) objektif pelajaran, (2) urutan (*sequencing*) pengajaran, (3) reka bentuk mesej dan bahan pembelajaran, (4) penilaian, (5) aspek teknikal bahan bantu mengajar (BBM), dan (6) kejelasan BBM (heuristik)

Temu bual terhadap guru dan pelajar pula dilakukan bagi mendapatkan kejelasan, impak dan kebolehlaksanaan modul. Temu bual guru dinyatakan dalam Lampiran F1 dan F2. Antara aspek yang ditanya kepada guru dan pelajar ialah aspek (1) kejelasan arahan dan maklumat bahan, (2) impak terhadap pelajar, (3) kebolehlaksanaan, dan (4) pandangan guru dan pelajar secara keseluruhannya terhadap modul.

Secara terperinci, aspek kejelasan arahan dan maklumat merangkumi aspek kejelasan arahan setiap langkah pengajaran, kejelasan kosa kata, kesesuaian dengan tahap dan kebolehan pelajar, kesukaran kosa kata, kesukaran ayat, kesalahan ejaan, kesesuaian saiz teks, kepanjangan teks, saiz rajah, bunyi bahan audio atau video, kecukupan maklumat.

Aspek impak bahan terhadap pelajar pula melibatkan kesesuaian atau kerelevanan teks atau rajah dengan situasi semasa, mencabar pengetahuan, menarik atau membosankan.

Aspek kebolehlaksanaan pula merujuk kepada sejauh mana bahan dan aktiviti pembelajaran boleh (1) mencapai objektif pelajaran, (2) disusun berdasarkan urutan yang sesuai dengan objektif pelajaran, dan (3) dilaksanakan berdasarkan aktiviti yang dirancang dalam waktu yang ditetapkan.

Instrumen Kajian Fasa Penilaian dan Pelaksanaan

Temu bual separa struktur digunakan dalam kedua-dua tahap penilaian, iaitu penilaian kumpulan kecil (kajian rintis) dan penilaian lapangan atau kajian sebenar (Lampiran G1 dan G2). Dalam penilaian kumpulan kecil atau kajian rintis (*tryout*), instrumen kajian dibina bagi mendapatkan data tentang: (1) keberkesanan pengajaran, (2) Keberkesanan pembelajaran, (3) kebolehlaksanaan, dan (4) kemampuan bahan menarik minat pelajar. Antara soalan bagi aspek keberkesanan pengajaran ialah:

- (a) Adakah pelajar boleh mengikuti pengajaran dengan berkesan? Jika tidak, aspek manakah yang sukar diikuti?
- (b) Adakah pelajar mempunyai pengetahuan sedia ada untuk mengikuti pelajaran?

- (c) Adakah objektif pelajaran yang tidak boleh dicapai?
- (d) Adakah kemahiran bahasa yang tidak dapat dicapai?

Soalan bagi mendapatkan data tentang keberkesanan pembelajaran pula ialah:

- (a) Adakah pelajar dapat menguasai pembelajaran dalam masa yang ditetapkan?
- (b) Adakah masa yang ditetapkan cukup bagi menjalankan aktiviti pembelajaran?
- (c) Adakah masa pembelajaran perlu diubah suai bagi memastikan keberkesanan pembelajaran?
- (d) Adakah masa yang ditetapkan bagi setiap langkah pengajaran sesuai?

Aspek yang dinilai pula ialah aspek kebolehlaksanaan. Antara soalan yang ditanya ialah:

- (a) Adakah pengajaran modul ini boleh ditadbir dan diurus?
- (b) Adakah anda boleh menggunakan modul ini dengan baik?
- (c) Adakah bahan bantu mengajar yang digunakan dalam modul ini boleh difahami?
- (d) Adakah bahan audio dan visual yang digunakan dalam modul ini boleh digunakan dengan berkesan?
- (e) Adakah bahan media yang digunakan dalam modul ini jelas dan membantu proses pengajaran dan pembelajaran?
- (f) Adakah langkah-langkah pengajaran yang dirancang dalam modul ini boleh dilaksanakan dengan baik?

Aspek yang keempat ialah kemampuan bahan pembelajaran menarik minat pelajar.

Antara soalan yang dikemukakan ialah:

- (a) Adakah anda mahu menggunakan modul ini?

- (b) Adakah pelajar mahu menggunakan modul ini?
- (c) Adakah modul ini menarik?
- (d) Adakah elemen yang membosankan?
- (e) Adakah terdapat aktiviti yang tidak digemari?
- (f) Adakah pengajaran ini membuatkan pelajar semakin ingin mengetahui lebih lanjut tentang topik tersebut?
- (g) Adakah kemahiran berbahasa dapat ditingkatkan melalui modul ini?
- (h) Adakah pelajar akan menggunakan kemahiran bahasa yang dipelajari untuk tujuan yang lain?

Dalam penilaian lapangan, temu bual dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan sebenar modul ini, khususnya dalam aspek kesesuaian dan keberkesanan modul pengajaran BM berdasarkan lapan (8) strategi pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu. Antara maklumat yang dikumpulkan dalam fasa ini ialah (1) kerelevanan isi kandungan, (2) kebolehcapaian objektif pelajaran, (3) kebolehlaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran, dan (4) pandangan guru dan pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran selepas menggunakan modul ini. Perincian protokol temu bual ini dinyatakan dalam Lampiran H1 dan H2.

Secara keseluruhannya, taburan instrumen, peserta kajian dan bilangan peserta kajian yang dilibat dan digunakan dalam kajian ini dipaparkan dalam Jadual 3.30. Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kerangka metodologi kajian ini melibatkan tiga fasa, dan setiap fasa melibatkan tujuan, peserta kajian dan instrumen yang berbeza.

Jadual 3.30: *Fasa Kajian, Jenis Instrumen, Peserta Kajian dan Bilangan Peserta*

| Fasa Kajian | Instrumen | Peserta Kajian | Bilangan |
|--|--|---|---|
| Fasa 1: Fasa Analisis Keperluan | Temu bual | Guru (Lampiran A1) | 6 |
| | | Guru Kanan (Lampiran A2) | |
| | | Guru Panitia (Lampiran A3) | |
| | Catatan pemerhatian Bukti dokumen | Pelajar (Lampiran B) | 6 kumpulan fokus |
| | | Guru (Lampiran C) | 4 |
| Fasa 2: Fasa Reka bentuk (Kesahan Kandungan) | Protokol temu bual separa struktur pakar dan Laporan Pakar | Guru (Lampiran D1) | 4 |
| | | Guru (Lampiran D1) | 4 |
| | | Pelajar (Lampiran D2) | 8 |
| | | Sekolah (Lampiran D3) | |
| Fasa 3: Fasa Penilaian Kesesuaian pembelajaran (<i>learnability</i>) dan Kebolehgunaan Modul | Temu bual (penilaian satu dengan satu) | Pakar kandungan (Lampiran E1) | 6 |
| | | Pakar reka bentuk (Lampiran E3) dan Pakar pedagogi dan pengajaran (Lampiran E2) | |
| Fasa 3: Fasa Penilaian Kesesuaian pembelajaran (<i>learnability</i>) dan Kebolehgunaan Modul | Temu bual kumpulan kecil | Pelajar (Lampiran F2) | 3 pelajar bagi setiap kumpulan (9 kumpulan) |
| | | Guru (Lampiran F1) | |
| | | Guru (Lampiran G2) | |
| Fasa 3: Fasa Penilaian Kesesuaian pembelajaran (<i>learnability</i>) dan Kebolehgunaan Modul | Temu bual Kumpulan sebenar | Pelajar (Lampiran G1) | 6 pelajar bagi setiap kumpulan (3 kumpulan) |
| | | Guru (Lampiran H1) | 3 |
| | | Pelajar (Lampiran H2) | 6 pelajar bagi setiap kumpulan (3 kumpulan) |

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan Muka

Bagi memastikan kesahan instrumen kajian, pengkaji melakukan proses kesahan muka instrumen. Beberapa siri pertemuan dengan pihak yang terlibat diadakan. Tujuannya ialah bagi memastikan protokol temu bual yang dirancang benar-benar dapat mencungkil maklumat yang diperlukan. Jadual 3.31 ialah perincian bagi pelaksanaan kesahan muka bagi kajian ini.

Jadual 3.31: *Pelaksanaan Kesahan Muka bagi Instrumen Kajian*

| Bil. | Aktiviti | Tarikh | Dengan siapa | tujuan |
|------|--|----------------|---|---|
| 1. | Kesahan muka protokol temu bual fasa analisis keperluan | Oktober 2009 | Guru BM Tingkatan 4 dan sebuah kelas Tingkatan 4 | Menguji sama ada data boleh diperoleh atau tidak |
| 2. | Kesahan muka protokol temu bual pakar | September 2010 | Pakar bidang pedagogi, kandungan dan reka bentuk | Untuk melihat kesesuaian istilah, konsep dan aspek yang akan diukur |
| 3. | Kesahan muka protokol temu bual penilaian satu dengan satu | Ogos 2010 | 3 kumpulan pelajar (3 orang bagi setiap kumpulan) | Untuk menilai kesesuaian istilah dan konsep dengan pengetahuan pelajar. |
| 4. | Kesahan muka protokol temu bual kumpulan kecil | Oktober 2010 | Pakar reka bentuk pengajaran | Untuk menilai kesesuaian aspek yang dinilai |
| 5. | Kesahan muka protokol temu bual ujian lapangan | Oktober 2010 | Pakar pedagogi | Untuk menilai kesesuaian aspek yang akan dinilai |

Berdasarkan aktiviti di atas, beberapa perubahan dan pindaan terhadap protokol temu bual dilakukan. Antaranya ialah pembetulan dan pindaan aspek bahasa seperti ejaan, struktur ayat, penggunaan istilah, dan kejelasan soalan. Dalam Modul 2 misalnya, tiga pindaan dilakukan. Pertama, pelajar mencadangkan bahawa penggunaan perkataan ‘gambar’ tidak sesuai digunakan dan digantikan dengan perkataan ‘ilustrasi’ bagi mewakili fenomena ragut. Dalam langkah 2 (soalan 3) pula, penggunaan kata ‘rajah’ diganti dengan kata ‘gambar’. Begitu juga dengan langkah 3 (soalan 3), istilah “statistik” mengelirukan pelajar dan mereka lebih memahami istilah ‘ekonomi’.

Dalam Modul 3, pindaan terhadap penggunaan istilah, dan struktur soalan turut dilakukan bagi memastikan pelajar faham dengan soalan yang dikemukakan. Dalam induksi set (soalan 4) misalnya, soalan ‘*Adakah gambar ini dapat memberikan maklumat yang cukup tentang gambaran sebuah kemiskinan?*’ dipinda kepada ‘*Adakah*

gambar-gambar ini dapat memberikan mesej yang cukup tentang kemiskinan?’ supaya pelajar lebih faham dan dapat memberi maklumat yang tepat. Dalam langkah 3 (soalan 4) istilah ‘rajah’ dipinda kepada ‘gambar-gambar’ kerana lebih sesuai dengan kehendak soalan. Selain itu, dalam langkah 3 (soalan 2 dan 6), : istilah ‘orang asal’ tidak difahami oleh pelajar dan mereka mencadangkan penggunaan istilah ‘orang asli’.

Dalam Modul 4, beberapa pindaan turut dilakukan. Antaranya penggunaan perkataan, dan ejaan. Bagi fasa induksi set, misalnya perkataan ‘teks’ (soalan 2) dan ‘gambar’ (soalan 4) dipinda kepada ‘dialog’ agar sesuai dengan bahan pembelajaran yang diajar. Jadual 3.32 menunjukkan beberapa pindaan yang dilakukan terhadap modul 7, 8, dan 9.

Jadual 3.32: *Contoh Pindaan yang Dilakukan dalam Modul yang Dibangunkan*

| Modul | Langkah | Soalan | Kesalahan Asal | Pindaan |
|--------------|-----------------|---------------|--|---|
| 7 | Langkah 1 dan 2 | Soalan 5 | Ejaan: 5. Adakah maklumat ini relevan dengan situasi semasa? Kalau ya, mengapa? Kalau tidak, beri cadangan anda? | 5. Adakah maklumat ini relevan dengan situasi semasa? Kalau ya, mengapa? Kalau tidak, beri cadangan anda? |
| | Langkah 3 | Soalan 4 | Ejaan: 4. Adakah teks ini mempunyai kesilapan kata paan yang cukup untuk dianalisis? Kalau tidak, beri cadangan anda. | Pindaan 4. Adakah teks ini mempunyai kesilapan kata sapaan yang cukup untuk dianalisis? Kalau tidak, beri cadangan anda. |
| 8 | Induksi set | Soalan 2 | Soalan tidak jelas 2. Adakah gambar-gambar ini jelas? Kalau tidak, beri cadangan anda. | Pindaan 2. Adakah gambar ini dapat menunjukkan identiti pelukisnya? Beri pandangan dan cadangan anda |
| 10 | Langkah 1 | Soalan 8 | Tidak dapat mencungkil perasaan pelajar terhadap video yang dilihat Adakah video pertama dan kedua dapat membuat anda tenang? Beri pandangan dan cadangan anda. | Pindaan 8. Apakah perasaan anda apabila melihat video A1 dan A2? Beri pandangan dan cadangan anda. |
| | Langkah 1 | Soalan 9 | Adakah video ketiga dapat membuat anda gelisah? Beri pandangan dan cadangan anda. | Apakah perasaan anda apabila melihat video B? Beri pandangan dan cadangan anda. |

Menurut Sidek Noah dan Jamaludin Ahmad (2005), modul yang baik ialah modul yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini dikawal berdasarkan prosedur yang ditetapkan agar data yang dikumpul tepat dan boleh dipercayai (Cohen, Manion, & Morrison, 2007). Untuk itu, antara kaedah yang digunakan pengkaji ialah: (1) melakukan deskripsi yang mendalam, (2) menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data, (3) menggunakan pelbagai sumber, dan (4) mendapat kesahan komunikatif (mengembalikan transkripsi temu bual kepada peserta kajian untuk tujuan pengesahan).

Kesahan Kandungan

Kesahan kandungan modul pula diukur dengan cara mendapatkan pandangan atau penilaian pakar luar (Mohd. Majid Konting, 1990). Richey dan Klien (2007) juga menetapkan bahawa salah satu cara untuk menentukan berlakunya kesahan ialah dengan mendapatkan pandangan atau penilaian pakar. Dalam kajian ini, kesahan kandungan dilakukan dengan mendapatkan pandangan dan penilaian pakar luar terhadap isi kandungan, kaedah pengajaran dan reka bentuk modul yang dibangunkan. Pandangan pakar digunakan bagi memastikan (1) kandungan modul ini menepati kehendak sukatan pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan empat, (2) strategi pengajaran yang dilaksanakan dalam modul ini sesuai dengan kebolehan dan minat pelajar, dan (3) reka bentuk modul mengikuti prinsip reka bentuk pengajaran yang sesuai.

Kesahan kandungan juga dilakukan dengan mendapatkan pandangan pengguna modul ini, iaitu guru dan pelajar. Pandangan guru dan pelajar diperoleh melalui perbincangan dan temu bual bersemuka antara penyelidik dengan guru dan pelajar dalam fasa penilaian satu dengan satu. Dalam kajian ini, penilaian guru dan pelajar

dijalankan bagi mendapatkan pandangan mereka terhadap kesesuaian dan kebolehgunaan bahan pembelajaran, isi kandungan, strategi pengajaran, dan bahan bantu mengajar dengan latar belakang dan kebolehan pelajar. Hal ini penting kerana modul yang dibina mestilah menepati sasaran populasinya (Sidek Noah & Jamaludin Ahmad, 2005).

Kesahan Kriteria

Selain kesahan kandungan, kesahan kriteria juga digunakan dalam kajian ini. Kesahan kriteria merujuk kepada sejauh mana item-item yang digunakan bagi mengukur kesahan modul sah berdasarkan kriteria yang hendak diukur (Sidek Noah dan Jamaludin Ahmad, 2005). Dalam kajian ini, item-item yang digunakan ialah item-item yang diadaptasi daripada Tessmer (1995) dan Morrison, Ross, dan Kemp (2007). Antaranya item yang digunakan bagi mengukur kesahan kriteria dalam penilaian pengguna (guru dan pelajar) ialah kejelasan maklumat atau mesej, kebolehcapaian objektif pelajaran dan impak terhadap perasaan pelajar atau guru dan kebolehlaksanaan pelaksanaan dari aspek masa dan aktiviti.

Bagi memastikan berlakunya kesahan proses membangunkan modul pengajaran bahasa Melayu ini juga dilakukan berdasarkan proses yang terancang. Dalam konteks kajian ini, proses kajian melibatkan tiga fasa utama, sebagaimana saranan yang dikemukakan oleh Richey dan Klien (2007), iaitu (1) melaksanakan analisis keperluan, (2) mendapatkan penilaian pakar dan pengguna, iaitu guru dan pelajar, (3) melaksana dan menilai modul melalui kajian rintis atau penilaian dalam kumpulan kecil dan penilaian lapangan.

Kajian analisis keperluan dilaksanakan bagi mendapatkan fenomena amalan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah oleh guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dan mengenal pasti masalah pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi oleh guru dan

pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Penilaian pakar pula dijalankan bagi mendapatkan kesahan kandungan, reka bentuk dan pedagogi modul yang dibina. Penilaian dan pandangan pakar digunakan bagi membaiki ketiga-tiga aspek prototaip modul tersebut.

Kajian rintis atau pelaksanaan dalam kumpulan kecil dilaksanakan bagi melihat kebolehlaksanaan modul yang dibina dari aspek masa yang ditetapkan, aras kesukaran bahan pembelajaran, kesesuaian dan kondisi bahan bantu mengajar atau media, kebolehlaksanaan aktiviti pembelajaran dan latihan yang disediakan. Penilaian lapangan pula dilaksanakan bagi melihat kebolehlaksanaan modul ini dalam konteks kelas yang sebenar.

Kesahan Dalaman (*Internal Validity*)

Bagi memastik kesahan dalaman modul ini terjamin, langkah-langkah yang dicadangkan oleh Merriam (2001; 2002) diikuti sebaik mungkin. Jadual 3.33 menunjukkan proses kesahan dalaman dilakukan dalam kajian ini.

Jadual 3.33: *Strategi Kesahan Dalaman dan Kebolehpercayaan*

| Strategi | Deskripsi |
|---|--|
| Triangulasi | Kajian ini menggunakan pelbagai teknik dan sumber bagi mendapatkan data. Pemerhatian, temu bual dan bukti digunakan dalam kajian ini. Data juga diperolehi dari pelbagai sumber seperti guru, pelajar, pentadbir sekolah dan sekumpulan pakar. |
| <i>Member checks</i> | Data dan interpretasi tentatif dibawa kembali kepada peserta kajian untuk tujuan pengesahan sebelum interpretasi sebenar dilakukan. |
| <i>Peer review</i> | Perbincangan dengan rakan sejawat tentang proses kajian, data dan dapatan kajian dilakukan bagi mendapatkan pandangan dan komen mereka. |
| Jejak audit | Data yang dikumpulkan direkod, dikod, dikategori mengikut jenis sumber dan tema. Contoh: TT1G4_31/3, baris 87-89 (Transkripsi temubual 1, Guru 4, dilakukan pada 31 Mac, baris 87-89 dalam transkripsi.) |
| Berada di lapangan dalam tempoh yang lama | Kajian ini dijalankan dalam tempoh yang agak lama. Kajian analisis keperluan misalnya dijalankan selama 10 bulan. |

Jadual 3.33 (sambungan): *Strategi Kesahan Dalaman dan Kebolehpercayaan*

| Strategi | Deskripsi |
|--|---|
| Kebenaran menjalankan kajian | Kebenaran diperoleh terlebih dahulu sebelum kajian dijalankan. Kebenaran guru dan ibu bapa pelajar juga diperoleh sebelum kajian dijalankan. |
| Persetujuan berpengetahuan (<i>informed consent</i>) | Data yang dikumpulkan dilakukan berdasarkan konsep persetujuan berpengetahuan. Bagi mendapatkan persetujuan peserta kajian, pengkaji melakukan perkara yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> (1) peserta kajian diminta menandatangani borang persetujuan sebagai peserta kajian dan dimaklumkan tentang peranan mereka dalam kajian ini adalah secara suka rela dan suci hati. (2) maklumat yang diberikan oleh peserta kajian hanya untuk kajian ini sahaja dan akan dimusnahkan dalam tempoh tertentu atas persetujuan bersama. (3) Persetujuan ibu bapa didapatkan sebelum pelajar dilibatkan dalam kajian ini. |

Prosedur Menjalankan Kajian

Prosedur mengumpulkan data dimulakan dengan proses mendapatkan keizinan menjalankan kajian daripada pihak berkuasa. Selepas itu, pengkaji pergi ke sekolah yang menjadi tapak kajian dalam Fasa 1 untuk bertemu pentadbir sekolah dan seterusnya bertemu dengan peserta kajian yang dicadangkan oleh pengetua sekolah. Aktiviti dijalankan pada bulan oktober 2009. Jadual lawatan seterusnya ditentukan berdasarkan keselesaan peserta kajian. Temu bual, pemerhatian pengajaran dan pengumpulan dokumen dijalankan setelah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada peserta kajian. Jadual 3.34 menunjukkan jadual pelaksanaan pengumpulan data bagi Fasa 1.

Jadual 3.34: *Jadual Pelaksanaan Kajian Fasa 1*

| Bil. | Aktiviti | Tarikh | Sasaran |
|-------------|--|---|--|
| 1 | Mendapatkan kebenaran menjalankan kajian | Ogos 2009 September 2009 Oktober 2009 | Unit PPP KPM JPN Perak Sekolah |
| 2 | Perbincangan dengan Guru Kanan Bahasa dan Guru Panitia BM Tingkatan 4 | Oktober 2009 | Memilih peserta kajian |
| 3 | Perbincangan dengan peserta kajian | Oktober 2009 | Menetapkan tarikh menjalankan kajian |
| 4 | Menjalankan kajian Fasa 1: Memerhatian pengajaran guru BM, temu bual guru dan pelajar kumpulan fokus, dan pengumpulan bukti dokumen. | 1) Oktober 2009 hingga November 2009. 2) Februari 2010 hingga Mei 2010 | Peserta kajian: 1) Guru BM Tingkatan 4 2) pelajar kumpulan fokus 3) Guru Panitia BM Tingkatan 4 4) Guru Kanan Bahasa |

Proses pengumpulan data Fasa 1 atau fasa analisis keperluan melibatkan enam (6) kali pemerhatian pengajaran guru BM Tingkatan Empat di bilik darjah, sembilan (9) kali temu bual guru, dan sembilan (9) kali juga temu bual pelajar.

Dalam Fasa 2, enam pakar dilantik bagi mendapatkan maklumat kesahan kandungan. Setelah dilantik, modul yang dibangunkan ini dinilai oleh pakar reka bentuk pengajaran, pakar pedagogi bahasa dan pakar kandungan kurikulum. Temu bual separa berstruktur dan laporan pakar digunakan bagi mendapatkan respons dan cadangan pakar berkenaan.

Dalam Fasa 3 pula, data dikumpulkan melalui pemerhatian dan temu bual secara bersemuka dengan guru dan pelajar. Komen dan cadangan peserta kajian digunakan bagi mendapat data tentang kekuatan dan kelemahan modul yang dibangunkan.

Prosedur pengumpulan data dalam fasa ini dimulakan setelah mendapatkan kebenaran daripada pengetua, walaupun kebenaran awal telah diperolehi daripada Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan dan Jabatan Pelajaran Negeri. Hal ini

dilakukan kerana penyelidik menggunakan sebuah kelas sebenar untuk menjalankan modul yang dibangunkan. Setelah mendapat kebenaran daripada pihak sekolah, penyelidik menjalankan penilaian satu dengan satu terhadap sembilan kumpulan pelajar (satu kumpulan bagi setiap satu modul). Setiap kumpulan diwakili oleh tiga (3) pelajar yang dipilih berdasarkan kemahiran dan pengetahuan yang berbeza. Tujuan penilaian satu dengan satu ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang kejelasan, impak dan kebolehlaksanaan modul yang dibangunkan serta bagi memastikan berlakunya kesahan permukaan bagi modul ini. Proses penilaian satu dengan satu ini dilaksanakan oleh penyelidik sendiri bagi mendapatkan maklumat langsung terhadap kejelasan, impak dan kebolehlaksanaan modul. Proses penilaian tahap ini mengambil masa selama seminggu.

Setelah penilaian satu dengan satu dijalankan, cadangan guru dan pelajar digunakan bagi menyemak semula modul yang dibangunkan. Setelah semakan semula dilakukan, modul ini dilaksanakan dalam kumpulan kecil (8-20 pelajar) yang merupakan kajian rintis dalam kajian ini. Bagi melaksanakan tahap penilaian kumpulan kecil ini, guru yang dipilih untuk melaksanakannya diberikan taklimat terlebih dahulu. Guru yang dipilih ini merupakan guru yang berpengalaman mengajar BM lebih daripada 10 tahun dan sanggup memberikan kerjasama dalam kajian ini. Disebabkan pelaksanaan penilaian modul dalam kumpulan kecil sukar diadakan pada waktu sesi persekolahan sebenar, penyelidik dengan bantuan guru yang terlibat memilih sekumpulan pelajar yang datangnya daripada pelbagai latar belakang yang berbeza untuk dijadikan peserta kajian. Aktiviti pengajaran pula dilakukan di dalam kelas berasingan dengan kelas sebenar selama seminggu. Laporan dan cadangan guru dan pelajar digunakan sebagai panduan untuk membaiki modul pengajaran sebenar.


Setelah perbaiki terhadap draf modul pengajaran BM dilakukan, draf akhir sembilan modul pengajaran BM secara bersepadu dilaksanakan dalam penilaian

lapangan. Tempoh keseluruhan proses pembangunan dan pelaksanaan Modul Pengajaran BM Tingkatan Empat diperincikan dalam Jadual 3.35 di bawah.

Kesimpulannya, proses pengumpulan data melibatkan lima proses utama, iaitu (1) proses mendapatkan kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan pihak Sekolah, (2) perbincangan dengan pihak sekolah dan guru yang terlibat, (3) memerhati pengajaran guru, menemu bual guru dan pelajar serta pihak pengurusan kurikulum BM seperti Ketua Panitia dan Guru Kanan Bahasa, dan mengumpulkan bukti dokumen, (4) membangun dan mendapatkan kesahan kandungan modul pengajaran BM daripada pakar, dan (5) melaksana dan mendapatkan penilaian guru dan pelajar terhadap kebolegunaan, kekuatan dan kelemahan modul. Keseluruhan proses ini ditunjukkan dalam Rajah 3.6.

Jadual 3.35: *Tempoh Pelaksanaan Modul*


| Pelaksanaan | Tujuan | Unit Pelajaran | Minggu |
|---|--|-------------------------------|--------------------|
| Pelaksanaan draf awal modul peringkat penilaian satu dengan satu | Mendapatkan data kejelasan, impak dan kebolehlaksanaan | Draf awal | Pertama dan Kedua |
| Pelaksanaan draf awal modul peringkat penilaian kumpulan kecil (rintis) | Mendapatkan data kekuatan dan kelemahan modul | Draf awal | Ketiga dan Keempat |
| Pelaksanaan draf akhir modul peringkat penilaian lapangan/kelas sebenar | Mendapatkan data kebolegunaan | Draf akhir | |
| | Modul Set A (Tema 1) | Modul 1 Modul 2 Modul 3 | Kelima |
| | Modul Set C (Tema 2) | Modul 4 Modul 5 Modul 6 | Ketujuh |
| | Modul Set D (Tema 3) | Modul 7 Modul 8 Modul 9 | Kelapan |



Rajah 3.6. Prosedur menjalankan kajian.

Kaedah Penganalisan Data

Setelah data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen, data tersebut dianalisis berdasarkan langkah yang dinyatakan oleh Miles dan Huberman (1994), iaitu: (1) mereduksikan data, (2) memaparkan data, dan (3) membuat kesimpulan dan pengesahan (lihat Rajah 3.7). Proses mereduksi data melibatkan proses memilih, menyederhanakan, mengabstrakkan dan mentransformasikan data yang diperoleh di lapangan. Proses memaparkan (*display*) data pula ialah proses mengorganisasi data dalam bentuk '*extended text*' atau catatan pemerhatian lapangan lanjutan, iaitu dengan mengelompok transkripsi berdasarkan tema-tema yang ditemui. Antara tema tersebut ialah (1) amalan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah (2) masalah pengajaran dan pembelajaran BM di bilik darjah Tingkatan Empat, dan (3) cadangan guru dan pelajar bagi meningkatkan mutu pengajaran BM di bilik darjah. Subtema bagi tema pertama atau amalan pengajaran BM di bilik darjah pula ialah (1) persepsi guru terhadap konsep pengajaran BM secara bersepadu, (2) strategi pengajaran yang diaplikasikan guru, dan (3) kaedah pengajaran yang digunakan di bilik darjah. Kesemua maklumat yang diperoleh dalam kajian ini digunakan untuk mereka bentuk modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu.



Rajah 3.7. Analisis data secara interaktif. Diadaptasi daripada “Interactive Model” oleh M. B. Miles dan A. M. Huberman, 1994, *Qualitative Data Analysis*, hlm. 12).

Setelah semua data dianalisis, data dilaporkan dan dijadikan panduan bagi membangunkan modul pengajaran BM secara bersepadu. Data daripada pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen yang dijalankan dalam fasa kajian analisis keperluan ini sangat berguna bagi memastikan modul yang dibangunkan ini memenuhi keperluan guru dan pelajar. Laporan data fasa analisis keperluan ini dibincangkan dalam Bab 4.

Data yang diperoleh digunakan untuk menjawab soalan kajian. Oleh kerana kajian fasa satu ini bercorak kualitatif, data dianalisis secara naratif bagi menghasilkan modul yang terbaik bagi melaksanakan konsep bersepadu dalam pengajaran Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, maklumat daripada catatan pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen digunakan bersama untuk mengukuhkan dapatan kajian. Seboleh mungkin, teknik triangulasi sumber dan kaedah digunakan untuk mendapatkan dapatan yang kukuh (Lincoln & Guba, 1985).

Dalam Fasa 1, bagi memudahkan data ini dijejaki (*audit trail*), setiap catatan lapangan dan temu bual direkod dengan baik. Antara perkara yang direkodkan

ialah nama peserta kajian, tarikh, masa, dan ringkasan tentang suasana temu bual dan pemerhatian. Semakan dibuat dengan mendengar rakaman dan melihat transkripsi tersebut berkali-kali. Penyaringan data dilakukan dengan cara yang berikut:

- (1) Semasa membaca data kualitatif atau transkripsi kali pertama, penyelidik mewarnakan perkataan-perkataan, frasa-frasa, ayat-ayat dan ungkapan penting daripada transkripsi asal.
- (2) Menentukan kategori koding (*coding*) perkataan-perkataan, frasa-frasa, ayat-ayat dan ungkapan penting tersebut. Dalam kajian ini dua kaedah digunakan, iaitu kaedah '*provisional coding*' dan kaedah '*structural coding*' yang diperkenalkan Saldana (2009). Kaedah '*provisional coding*' digunakan bagi menganalisis tema amalan pengajaran guru di bilik darjah. Dalam kajian ini, tema-tema ditentukan lebih awal berdasarkan sorotan kajian, konseptual kajian, dapatan kajian terdahulu, kajian rintis dan pengalaman penyelidik (Miles & Huberman, 1994). Kaedah '*structural coding*' pula digunakan bagi menganalisis cadangan dan masalah pengajaran BM di bilik darjah (contoh pembentukan *coding* ditunjukkan ditunjukkan dalam Lampiran L1 dan L2).
- (3) Memindahkan perkataan-perkataan, frasa-frasa, ayat-ayat dan ungkapan penting ke dalam kategori matrik dua dimensi mengikut aspek amalan pengajaran bahasa.
- (4) Meneliti semula transkripsi asal bagi memilih perkataan-perkataan, frasa-frasa, ayat-ayat dan ungkapan sebagai bukti sokongan data mengikut aspek amalan pengajaran bahasa.

Dalam Fasa 2 pula, analisis data dilakukan berdasarkan pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh sekumpulan pakar berdasarkan isu yang dibangkitkan dalam temu bual separa berstruktur, iaitu kandungan pelajaran, reka bentuk modul dan strategi

pengajaran yang digunakan. Bagi menganalisis pandangan pakar, dua alat digunakan, iaitu borang pandangan pakar dan lembaran data pandangan pakar (Tessmer, 1993). Menurut Tessmer (1993), setiap data yang diperoleh daripada pakar direkod dalam borang pandangan pakar bagi memastikan (1) semua soalan yang dirancang dikemukakan kepada pakar, dan (2) semua respons daripada pakar dicatat bagi tujuan melakukan semakan dan pembaikan modul. Jadual 3.36 menunjukkan contoh borang pandangan pakar yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3.36: *Contoh Borang Penilaian Pakar*

| Nama Pakar _____ | Modul |
|---|----------------------|
| Soalan: | Respons dan Cadangan |
| 1. Adakah set induksi yang digunakan dapat menarik minat pelajar? | |
| 2. Adakah langkah-langkah pengajaran selaras dengan objektif pelajaran? | |

Bagi menguruskan data yang diperoleh atau yang tercatat dalam borang penilaian pakar (Jadual 3.36), Tessmer mencadangkan penggunaan lembaran data. Lembaran data digunakan bagi membuat perbandingan dan persamaan pandangan yang dikemukakan oleh setiap pakar. Tujuan perbandingan ini adalah untuk:

- (1) Menyemak komen pakar, sama ada diterima atau ditolak kerana sukar diterima.
- (2) Merumus dan menyenaraikan komen-komen pakar.
- (3) Menyemak komen-komen pakar lain dan mencatatkan aspek yang dipersetujui dan yang tidak dipersetujui antara pakar pertama dan pakar yang seterusnya.

- (4) Mengulang semula proses mencatat pandangan dan komen pakar bagi setiap aspek yang dinilai.

Jadual 3.37 menunjukkan contoh lembaran komen pakar yang dibina bagi merumuskan semua komen yang dikemukakan oleh setiap pakar. Lampiran M pula menunjukkan bagaimana proses konsensus dilakukan dilakukan bagi merumuskan pandangan dan komen pakar.

Jadual 3.37: *Lembaran Komen Pakar*

| Komen-komen Pakar | Pakar 1 | Pakar 2 | Pakar 3 |
|--|---------|---------|---------|
| Modul terlalu panjang untuk masa yang diperuntukkan. | X | | X |
| Urutan pelajaran tidak tepat. | | X | X |
| Bahan yang digunakan menarik minat dan mencabar minda pelajar. | X | X | X |
| Latihan yang diberi dapat mengukur objektif pelajaran. | X | X | X |

Kesimpulan

Kesimpulannya hubungan antara objektif kajian, soalan kajian dan instrumen kajian ditunjukkan dalam Jadual 3.38

Jadual 3. 38: Matrik antara Objektif, Soalan dan Intrumen Kajian

| Objektif Kajian | Soalan Kajian | Instrumen/Aktiviti |
|--|--|--|
| <u>Fasa Analisis Keperluan</u> (1) Menyiasat amalan pengajaran guru Bahasa Melayu di bilik darjah Tingkatan 4. (2) Mendapat pandangan dan cadangan pelajar terhadap strategi pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. | (1) Bagaimanakah amalan pengajaran guru Bahasa Melayu di bilik darjah Tingkatan 4? (2) Apakah pandangan dan cadangan guru pelajar terhadap strategi pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah? | 1. Catatan pemerhatian guru 2. Protokol temu bual separa berstruktur guru dan pelajar 3. Bukti dokumen: i. Rancangan mengajar guru ii. Rancangan mengajar tahunan dan mingguan guru iii. Buku latihan pelajar |
| <u>Fasa reka bentuk dan Pembinaan</u> (3) Mendapatkan penilaian pakar terhadap kesahan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu. | (3) Apakah penilaian pakar terhadap kesahan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu? | Protokol temu bual separa berstruktur pakar dan laporan penilaian pakar |
| (4) Mendapatkan penilaian guru dan pelajar terhadap kebolehlaksanaan, kebolehgunaan pengajaran secara bersepadu di bilik darjah. | (4) Apakah penilaian guru dan pelajar (<i>user</i>) terhadap kejelasan, impak, dan kebolehlaksanaan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu pada semasa peringkat penilaian satu dengan satu? | Protokol temu bual separa berstruktur guru dan pelajar peringkat penilaian satu dengan satu |
| <u>Fasa Penilaian dan Pelaksanaan</u> (4) Mendapatkan penilaian guru dan pelajar terhadap kekuatan dan kelemahan modul pengajaran secara bersepadu di bilik darjah. | (5) Apakah penilaian pelajar terhadap kekuatan dan kelemahan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu pada peringkat penilaian kumpulan kecil? (6) Apakah penilaian pelajar dan guru terhadap kebolehgunaan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu pada peringkat penilaian lapangan? | 1. Protokol temu bual separa berstruktur pelajar peringkat penilaian kumpulan kecil 2. Protokol temu bual separa berstruktur guru dan pelajar peringkat penilaian lapangan 3. Laporan komen guru dan pelajar 4. Catatan pemerhatian penyelidik. |